

TERFUSTAKAN
JAWATAN PENGETAHUAN DAN KONSEP

PANDANGAN MASYARAKAT MELAKA TERHADAP USAHA
PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG ISLAM: Masalah
dan ~~masa depannya~~. (Satu Kajian Kes Di-
Sekitar Bandar Melaka)

oleh:

Muner Bin Abd.Jalil

No Matrik: 048674

Projek Penyelidikan Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat Untuk Mendapatkan
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA 87/88

Jabatan Antropologi Dan Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sesi 87/88

Pengenalan

Kebelakangan ini, perkembangan Islam yang pesat di dalam negara ini telah banyak menimbulkan persoalan dikalangan orang ramai khususnya pecinta-pekerja Islam. Persoalan tersebut antara lainnya telah menyentuh soal-soal dakwah, akidah, ibadah, pelajaran, ekonomi, ulamak dan sebagainya.

Gerakan-gerakan keislaman semakin hari semakin pesat. Sedikit hari dahulu, kita telah lihat Penerapan Nilai-nilai Islam dijalankan di negara ini. Kemudiannya soal-soal Bank Islam, Insuran Islam yang kini sedang dilaksanakan, dan akhir-akhir ini kedengaran dari berbagai-bagai pihak untuk melaksanakan Undang-undang Islam di negara ini.

Di atas hasrat inilah maka saya menulis dan menyusun buku ini "Pandangan Masyarakat Melaka Terhadap Usaha-usaha Perlaksanaan Undang-undang Islam: Masalah dan Masa Depannya" yang merupakan satu penghuraian khusus tentang pandangan masyarakat di negeri ini terhadap usaha perlaksanaan Undang-undang Islam, masalah-masalah dan harapan-harapannya yang gemilang bagi masa hadapan dan sebagai bahan rujukan.

Buku ini saya bahagikan kepada 6 bab menurut persoalan-persoalan yang tertentu. Setiap bab mempunyai tajuk-tajuk yang tersendiri. Di bawah tajuk-tajuk berkenaan terdapat pula tajuk-tajuk kecil yang mudah kan bagi pembaca mengikutinya.

Bab pertama merupakan bab pendahuluan, yang menerangkan latarbelakang kajian, tujuan kajian, hipotesis yang digunakan, bidang kajian, method-method yang digunakan, serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pengkaji semasa menjalankan kajian.

Bab 2 pula menekankan sejarah kedatangan Islam ke Melaka khasnya dan Malaysia umumnya, serta memperlihatkan sejauh mana perundangan Islam dijalankan di negeri itu sehingga kedatangan penjajah. Bab ini juga menjelaskan kedudukan undang-undang jenayah Islam di Malaysia sehingga hari ini.

Bab 3 menerangkan tentang pengertian jenayah yang sebenarnya iaitu pengertian dari segi Islam, pengertian jenayah Malaysia dan konsep jenayah moden atau barat. Seterusnya diterangkan teori-teori yang membuktikan penggunaan hukum sebagai alat mengatasi jenayah. Bab ini juga menerangkan tentang pengertian jenayah Zina, Khalwat, dan meminum arak mengikut Islam dan cara penghukumannya yang sebenarnya.

Bab 4 merupakan bab isi. Bab ini memperlihatkan pandangan masyarakat terhadap jenayah ugama di negara ini, pandangan mereka terhadap undang-undang Islam serta tindakbalas mereka terhadap usaha perlaksanaan undang-undang Islam di negeri ini.

Bab 5 pula merupakan bab yang menghuraikan tentang masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha melaksanakan undang-undang Islam di negeri ini dan cara-cara mengatasinya.

Akhirnya merupakan bab 6, merupakan kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji tentang masa depan usaha-usaha perlaksanaan undang-undang Islam di negeri ini.

Keseluruhannya, saya memohon maaf sekiranya masih terdapat kekurangan dan kesilapan dalam tulisan saya ini. Saya mengharapkan teguran dan kritikan yang ikhlas dan membina dari pembaca sekalian.

Akhir kata segala kelebihan datang dari Allah, dan segala kekurangan datang dari kelemahan diri saya sendiri. Kepada Allah saya memohon petunjuk dan taufik darinya, moga-moga usaha yang kecil ini diberkati jua.

K A N D U N G A NHalaman

Penghargaan	i
Pengenalan	ii
Senarai Jadual	v
Kandungan	vi

Bab 1 (Pengenalan)

1.1 Latarbelakang Kajian	I
1.2 Tujuan Kajian	2
1.3 Hipotesis	2
1.4 Bidang Kajian	3
1.5 Method Kajian	4
1.6 Masalah Kajian	5

Bab 2 (Sejarah Kedatangan Islam)

2.1 Kedatangan Islam Ke Melaka	8
2.2 Kedudukan Undang-undang Islam Di Melaka Sebelum Kedatangan British	10
2.3 Kedudukan Undang-undang Jenayah Islam Di Malaysia	16
2.4 (a) Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia	21
2.4 (b) Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam	24

Bab 3 (Teori dan Konsep)

3.1 Pengertian Jenayah dan Teori Penghukuman	30
3.1 (a) Konsep Undang-undang Jenayah Islam	30

K A N D U N G A NHalaman

3.1 (b) Konsep Undang-undang Jenayah Malaysia	32
2.1 (c) Konsep Jenayah Moden/barat	33
3.2 Teori Penghukuman	40
3.2 (a) Teori Penghukuman Pembalasan (Retribution)	41
3.2 (b) Prinsip Pertahanan Sosial (Social Defence)	44
3.2 (c) Prinsip Penghukuman Utilitarian	45
3.3 (a) Zina: Pengertian dan Hukuman	47
3.3 (b) Meminum Arak: Pengertian dan Hukuman	50
3.3 (c) Pengertian Khalwat dan Hukuman	55

Bab 4 (Analisa Kajian)

4.1 Latarbelakang dan Kedudukan Responden	59
4.2 Kesedaran Masyarakat Terhadap Jenayah Zina, Khalwat, Meminum Arak dan Judi	63
4.2 (a) Kesedaran Masyarakat Islam Terhadap Jenayah Zina, Khalwat, Meminum Arak dan Judi	63
4.2 (b) Pandangan Masyarakat Bukan Islam Terhadap Jenayah Ugama	66
4.3 Pandangan Masyarakat Terhadap Undang- Undang Islam	67
4.3 (a) Sudut Pandangan Masyarakat Islam Terhadap Usaha-usaha Perlaksanaan Undang-undang Islam	67

K A N D U N G A NHalaman

- 4.3 (b) Sudut Pandangan Masyarakat Bukan Islam Terhadap Usaha Perlaksanaan Undang-undang Islam

78

Bab 5. (Masalah dan Cadangan)

- 5.1 Masalah-masalah Yang Menghalang Usaha Perlaksanaan Undang-undang Islam dan Cara Penyelesaiannya

88

- 5.1 (a) Perlembagaan dan Undang-undang

88

- 5.1 (b) Sikap Umat Islam

90

- 5.1 (c) Sikap Pemerentah

91

- 5.1 (d) Sikap Parti-parti Politik

92

- 5.1 (e) Sikap Ahli Undang-undang

93

- 5.1 (f) Sikap Ulamak

93

- 5.1 (g) Masyarakat Majmuk

94

- 5.1 (h) Kurangnya Pengetahuan Tentang Undang-undang Islam Dikalangan

Masyarakat Bukan Islam

96

- 5.1 (i) Penyerahan Kuasa Yang Lebih Kepada

Pusat

97

Bab 6 (Kesimpulan)

- 6.1 Kesimpulan

100

Bab I (Pengenalan)I. Latarbelakang Kajian

Dalam menjalankan kajian, pengkaji menggunakan kawasan yang terhad iaitu di Bandar Melaka dan sekitarnya. Yang dimaksudkan dengan kawasan bandar dan sekitarnya ialah, pengkaji mendapatkan responden di kawasan bandar sendiri, sama ada kakitangan kerajaan, peniaga-peniaga dan juga orang awam yang lalu lalang dengan berbagai-bagai urusan. Disekitarnya pula bermaksud, pengkaji menjalankan kajian di kawasan-kawasan perumahan yang berhampiran dengan bandar seperti di Bukit Baru, Bachang dan Durian Daun. Kawasan perumahan ini letaknya 1 hingga 2 kilometer dari bandar.

Pengkaji memilih kawasan ini, pertamanya disebabkan kedudukannya yang berhampiran dengan tempat tinggal pengkaji. Ini bagi memudahkan pengkaji bertemu dengan responden serta pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam Melaka.

Selain itu kawasan bandar dipilih oleh pengkaji kerana pengkaji mendapati lebih mudah mendapatkan responden yang terdiri dari berbagai-bagai kaum, peringkat umur dan pendidikan. Penduduknya terdiri dari berbagai-bagai kaum yang kebanyakannya adalah merupakan penduduk asal negeri ini. Orang Melayu merupakan penduduk Tertua negeri ini. Diikuti oleh kaum Cina dan India yang datang semasa ujudnya Kerajaan Melayu Melaka lagi. Mereka ini kebanyakannya telah mengasimilasikan diri dengan budaya Melayu seperti golongan Baba dan Nyonya.

Pengkaji memilih responden dari berbagai kaum, umur dan pendidikan kerana pengkaji percaya faktor-faktor ini banyak mempengaruhi tindakbalas mereka terhadap perlaksanaan Undang-undang

Islam.

1.1 Tujuan Kajian

Di dalam membuat kajian, pengkaji mempunyai beberapa tujuan tertentu, antaranya:

- a. Pengkaji hendak melihat sejauhmanakah sambutan orang ramai terhadap usaha perlaksanaan Undang-undang Islam?
- b. Pengkaji hendak melihat apakah masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Undang-undang Islam?
- c. Pengkaji hendak melihat mana yang menerima atau menolak usaha perlaksanaan Undang-undang Islam.
- d. Pengkaji hendak melihat mengapa mereka menerima atau menolak perlaksanaan Undang-undang Islam?
- e. Pengkaji hendak melihat kedudukan sistem perundangan Islam pada kaca mata masyarakat terutama yang bukan Islam.

1.2 Hipotesis

Bagi mendapatkan ketentuan dasar dalam penulisan (penyelidikan) ini, digunakan hipotesis seperti berikut:

- a. Kesedaran beragama menyebabkan penerimaan Undang-undang Islam di Melaka menggalakkan terutama dikalangan orang-orang Islam.

b. Penurunan angka jenayah di Melaka adalah disebabkan oleh kesedaran beragama. Mereka lebih takut pada hukuman Allah daripada hukuman manusia. Mereka juga takut penyakit-penyakit bagi pelacuran.

1.3 Bidang Kajian

Sebenarnya dalam konteks Undang-undang Islam adalah merangkumi segala aspek hidup masyarakat sama ada soal ibadah, aqidah, sosial, politik dan juga ekonomi. Namun demikian dalam pengkajian ini, pengkaji lebih menumpukan pada permasalahan yang bersabit dengan perlakuan jenayah agama, khususnya:

- a. Zina
- b. Khalwat
- c. Meminum arak
- d. Berjudi

Sementara itu mengenai responden yang dikehendaki oleh pengkaji adalah tidak terhad pada golongan-golongan tertentu. Pengkaji mendapati untuk menghasilkan kajian yang lebih efektif adalah lebih baik mendapatkan responden yang berbagai-bagai, samada:

- a. Golongan tua
- b. Golongan muda
- c. Golongan berpendidikan agama
- d. Golongan berpendidikan sekular
- e. Kalangan mereka terdiri dari pegawai kerajaan
- f. Kalangan mereka yang bekerja sebagai buruh dan

g. Kalangan mereka dari bukan Melayu.

1.4 Method Kajian

Method yang digunakan semasa membuat kajian adalah sebagai berikut:

a. Kaedah Soal Selidik

Ini merupakan kaedah terpenting bagi pengkaji. Kaedah ini digunakan bagi tujuan mendapatkan data mengenai latarbelakang responden yang dikaji. Ini termasuklah nama, umur, taraf pendidikan, jenis pekerjaan dan sebagainya.

Kaedah soal selidik ini akan berbentuk 'Tertutup' dan 'Terbuka'. Soalan 'Tertutup' akan digunakan apabila pengkaji mahukan responden menjawap soalan-soalan yang telah disediakan jawapannya oleh pengkaji di dalam borang soal selidiknya. Soalan 'Terbuka' pula digunakan apabila pengkaji menyentuh soalan-soalan yang meminta pandangan serta pendapat responden.

b. Kaedah Pemerhatian.

Di dalam menggunakan kaedah ini pengkaji akan melihat keadaan yang sebenarnya ujud terutama dari sikap masyarakat atau responden itu sendiri, terutama persoalan yang bersifat sensitif. Selain itu pengkaji juga berpeluang untuk membuat tanggapan atau pendapat.

c. Kaedah Temubual

Kaedah ini digunakan untuk tujuan mengumpul

maklumat dan data-data penting yang tidak diperolehi di dalam borang soal selidik. Temubual ini akan dibuat oleh pengkaji dengan pegawai Pejabat Agama Islam, Mufti dan sebagainya. Disamping itu untuk mendapatkan keterangan yang lebih lengkap dari pegawai-pegawai atau mereka yang ditemubual, maka pengkaji telah menggunakan Tape Recorder untuk merakamkan segala maklumat. Namun begitu ini hanya dilakukan oleh pengkaji sekiranya mendapat kebenaran daripada mereka yang ditemubual.

d. Rujukan Library

Kaedah ini digunakan apabila pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang bersangkutan penundangan Islam serta segala fakta yang berkait. Selain itu data-data juga dikumpulkan dari sumber Sekunder lain seperti Majlis Agama Islam dan lain-lain.

1.5 Masalah Kajian

Semasa menjalankan kajian, pengkaji menghadapi berbagai-bagi masalah. Masalah pertama yang dihadapi oleh pengkaji ialah bahasa. Masalah ini timbul terutamanya apabila berkomunikasi dengan responden yang bukan Melayu, terutamanya mereka yang kurang berpelajaran. Mereka selalu tersalah tafsir dengan soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka. Sering soalan yang dikemukakan kepada mereka diulang untuk beberapa kali. Keadaan ini banyak membuang masa pengkaji. Namun begitu keadaan ini dapat diatasi dengan bantuan rakan-rakan responden yang dapat menguasai bahasa Malaysia dengan

baik. Sebahagian dari mereka telah membantu menterjemahkan soalan-soalan yang diajukan.

Pengkaji juga menghadapi masalah bila hendak menemubual kalangan responden yang bekerja sebagai peniaga-peniaga kecil ditepi-tepi jalan. Mereka menyangka bahawa pengkaji adalah pegawai-pegawai kerajaan yang sedang membuat kajian tentang pendapatan dan kerjaya mereka. Mereka tidak berapa percaya pengkaji hanya menjalankan tugas bagi menjayakan Latihan Ilmiah. Namun begitu bila pengkaji menunjukkan surat kebenaran dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi barulah mereka memberi kerjasama walau-pun dalam keadaan was-was.

Masalah selanjutnya ialah semasa menjalankan kajian, pengkaji seringkali menghadapi masalah untuk bertemu dengan responden, terutama pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai masa yang terbatas. Dalam keadaan ini pengkaji terpaksa membuat temujanji dan ini banyak membuang masa pengkaji, kerana menunggu masa yang ditentukan. Namun begitu masalah ini berjaya diatasi oleh pengkaji mempunyai kenderaan sendiri, bagi menghadiri temujanji yang ditetapkan.

Selanjutnya pengkaji juga menghadapi masalah semasa cuba mengadakan temu ramah dengan responden terutama 'orang-orang penting'. Mereka ini sentiasa sibuk dengan urusan masing-masing. Jadi pengkaji terpaksa datang berulang kali untuk mendapatkan maklumat.

Disamping itu terdapat juga golongan yang cerewet dengan mengemukakan berbagai alasan supaya tidak ditemu

ramah oleh pengkaji. Adakalanya pengkaji terlebih dahulu dimarah kerana dianggap menganggu, sebelum berjaya menemuramah responden.

Akhir sekali masalah yang menyebabkan usaha kajian ini sering terganggu ialah masalah kewangan. Pengkaji banyak menggunakan wang terutama bagi kes-kes pengangkutan, makan minum, Xerox kertas-kertas soal selidik, serta membeli sedikit buah tangan untuk anak-anak responden bagi memudahkan pengkaji mendapat maklumat. Disebabkan masalah kewangan, pengkaji terpaksa menangguhkan kerja-kerja kajian untuk beberapa ketika. Walaubagaimanapun masalah ini dapat juga diatasi melalui sumbangan keluarga pengkaji yang amat mengambil berat tentang diri pengkaji.

Jelasnya berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh pengkaji bagi menjayakan penyelidikan ini. Namun begitu, Syuhkur Alhamdulilah, dengan keizinan Allah serta kerja kuat, berjaya juga mengkaji menyiapkan kerja-kerjanya.

Bab 2 (Sejarah Kedatangan Islam)2. I Kedatangan Islam Ke Melaka

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu berkait rapat dengan kedatangannya keseluruhan Kepulauan Melayu. Mengikut De Jong bahawa ianya merupakan sebahagian daripada gerakan yang besar dan harus ditinjau dalam hubungan yang luas meliputi keseluruhan Kepulauan Melayu. (1)

Menurut kajian ahli sejarah menunjukkan bahawa Tanah Melayu merupakan antara negara yang paling awal menerima kedatangan Islam dirantau ini. Namun begitu sehingga hari ini belum ada persetujuan diantara mereka mengenai tarikh yang tepat mengenainya, kerana belum ditemui sumber sejarah yang tepat berkenaan kedatangan tersebut.

Mengikut lapuran dari tulisan Cina dan penemuan kesan sejarah, menunjukkan mungkin kedatangan Islam ke Kepulauan ini bermula pada abad Pertama Hijrah apabila Saudagar-saudagar Arab Islam membuat petempatan di Kedah dan Palembang akibat pelarian mereka dari Canton. Syed Muhammad Naquib Al-Attas mengatakan bahawa peristiwa ini merupakan babak permulaan kemasukan Islam ke daerah ini.(2)

Boleh dikatakan agama Islam telah lama bertapak di Malaysia seawal-awalnya pada abad ke 10M. dengan penemuan batu nisan bertarikh 291H bersamaan dengan tahun 903M. yang dijumpai di Tanjung Inggeris Kedah dalam tahun 1965. (3)

Dari masa kesemasa Islam telah berkembang dengan pesat hingga melahirkan beberapa buah kerajaan. Dari segi kesan-kesan sejarah ada tanda-tanda menunjukkan terdirinya berapa buah Kerajaan Islam. Antaranya ialah Kerajaan Islam Kelantan yang di-

anggap sebagai Kerajaan Islam yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu. Ini dibuktikan dengan penemuan sekeping dinar emas di Kelantan dalam tahun 1914M...⁽⁴⁾ Kemudiannya lahir Kerajaan Islam Terengganu pada pemulaan abad ke 8H. dan kerajaan Islam Melaka. Kedatangan Islam di Terengganu dibuktikan dengan tulisan-tulisan yang dijumpai di Kuala Brang Terengganu dalam tahun 1899M.

(5)

Seterusnya muncul sebuah Kerajaan Islam yang agung di-rantau ini iaitu Kerajaan Melaka. Dari bukti-bukti yang sehingga ini ditemukan dapat disebut bahawa Islam telah di Melaka selewat-lewatnya awal abad ke 15. Menurut Syed Muhammad Naquib, Islam mulai diterima di Melaka kira-kira dalam tahun 812H(1409) iaitu setelah Parameswara memeluk Islam dan menukar namanya kepada Sultan Iskandar Shah. (6) Sejarah Melayu ada menyebut bahawa Melaka menerima Islam atas dakwah yang dilakukan oleh Sayyid Abd Al-Aziz dari Jeddah. (7)

Pengislaman Parameswara secara tidak langsung menarik masyarakat Melaka untuk sama-sama menerima Islam. Islam telah mendapat kedudukan yang tinggi dan istimewa dalam masyarakat Melaka baik dalam pengamalan sehari-hari dalam upacara-upacara ritual, dalam urusan dagang,, politik, dan lain-lain lagi. Islam mendapat tempat dikalangan masyarakat Melaka sehingga pemerentahnya mengambil inisiatif menjadikan Islam sebagai agama resmi di Melaka. Ini berlaku dimasa zaman pemerentahan Muzaffar Syah (1446-1458). Kedudukan Islam sebagai agama resmi telah mendorong pengumpulan saudagar-saudagar Islam, para ulamak ke Melaka dan ini memusatkan lagi pengembangan agama Islam di negeri ini., Melaka selain menjadi

pusat tumpuan pedagang-pedagang, pusat pengumpulan ulamak juga telah muncul sebagai kuasa politik teragung dan unggul dirantau ini. Dengan kekuatan politik Melaka telah berjaya menyebarkan agama Islam diseluruh Tanah Melayu, pulau Jawa, Moluku, Sulawesi, Borneo, Mindanao dan Sulu. Kekuatan politik secara kegiatan-kegiatan para ulamak telah menjayakan Melaka mengembangkan Islam. Beberapa buah negeri di Tanah Melayu telah di Islamkan oleh Melaka samada melalui pertabalan Raja dan juga melalui perkahwinan. Ini dibuktikan oleh buku Sejarah Melayu yang menyebut:

"Setelah Sultan Mansur Syah berjaya menakluki Pahang, maka baginda telah berkahwin dengan Puteri Wanang Seri dan dimasukkan Islam ditukar namanya kepada Puteri Lela Wangsa".(8)

Begitu juga dengan negeri-negeri lain telah di Islamkan oleh Melaka sehingga menjadikan Islam sebagai agama Resmi bagi seluruh Tanah Melayu.

2.2 Kedudukan Undang-undang Islam Di Melaka

Sebelum Kedatangan British

Sebahagian besar penulis Barat menganggap bahawa Undang-undang Islam tidak pernah dilaksanakan sehingga kedatangan British. Anggapan ini adalah sesuatu yang keterlaluan dan tidak berasas sama sekali.

Namun begitu kita juga tidak pasti sejauh mana Undang-undang Islam telah dilaksanakan di negeri ini. Hal ini disebabkan kebanyakan Undang-undang yang dikatakan dipakai oleh Kerajaan Melayu

Melaka tidak dapat dikesan dan kalau adapun kebanyakannya tidak bertarikh dan bertulis.(9) Dalam hal ini, satu kajian yang berasingan dan mendalam perlu dilakukan sebelum dapat membuat sebarang ketentuan. Walaupun tidak ada ketentuan tentang sejauhmana Undang-undang Islam dilaksanakan, untuk kita menerima pendapat penulis barat di atas, saya rasa sama sekali tidak adil. Dari bukti yang jelas, pada zaman pemerintahan Sultan Muzzaffar Syah, Islam telah diterima sebagai agama resmi negeri Melaka. Dengan penerimaan ini, sedikit sebanyak kita tidak dapat menolak kemungkinan Undang-undang Islam telah dipraktikkan di negeri ini. Penerimaan Undang-undang Islam masih lagi belum menyeluruh dimana dalam keadaan-keadaan tertentu Undang-undang adat masih lagi penting. Kassim Ahmad sendiri dalam artikelnya, "Islamisasi Undang-undang di Malaysia: Masalah dan Cabaran", mengatakan bahawa

"Undang-undang yang digunakan di Melaka dan di negeri-negeri Melayu lain ialah campuran Undang-undang adat dan Undang-undang Islam".(10)

Tidak dapat tidak, kita mesti mengakui bahawa Undang-undang Islam telah dipraktikkan di negeri ini. Penggunaan Undang-undang Islam dapat dibuktikan berdasarkan dua buah teks Undang-undang iaitu Undang-undang Melaka atau Hukum Kanun Melaka dan juga Undang-undang Laut Melaka. (II) Risalah Hukum Kanun Melaka mencatat hukuman bunuh untuk 10 kesalahan iaitu membunuh, menikam dan menetak, memukul, merompak, mencuri, membuat tuduhan palsu, mendustakan hakim,

dan menjual titah serta menentang raja. (12)

Manakala Undang-undang Laut Melaka pula mengandungi hal ehwal tanggungjawab pegawai-pejawai kapal, acara pelayar dan perniagaan, kesalahan jenayah dan bidang kuasa nakhoda kapal.

Dari kedua-dua teks ini banyak mendapat pengaruh dan unsur Islam. Melalui teks ini penggunaan Undang-undang Islam adalah jelas dalam semua bidang, tetapi yang begitu jelas dalam bidang jenayah, muamalah, kekeluargaan, keterangan dan acara. Untuk melihat dengan lebih jelas lagi saya perturunkan penggunaan hukuman hudud yang digunakan bagi mengatasi jenayah. Hukuman hudud yang terkandung dalam Undang-undang Melaka meliputi kes berhubung dengan kesalahan berzina, qadhaf, mencuri, murtad dan kesalahan minum arak.

Dalam kesalahan berzina, Hukum Kanun Melaka dalam fasal 40.1 menjatuhkan hukuman direjam sampai mati kepada orang yang pernah berkahwin dan yang belum berkahwin di dera (sebat) 100 kali dera. (13) Peruntukan ini bersesuaian dengan firman Allah yang antara lainnya bermaksud:

"Perempuan dan lelaki yang berzina maka deralah kedua-duanya 100 kali"

(Al Nur:2)

Bagi hukuman rejam dalam fasal ini adalah mengikut Undang-undang Islam sebagaimana yang tersebut di dalam hadis Rasullullah s.a.w. yang bermaksud:

"Umar al-Khattab berkara: "Sesungguhnya Allah Taala telah menurunkan kitab kepada Nabi Muhammad, maka adalah antara ayatnya yang diturunkan itu ayat-ayat rejam, kami telah membaca dan menghafalnya dan Rasulluallah telah merejam orang berzina dan kami juga telah menjalankan hukuman rejam".

Bagi kesalahan Qadhaf, Hukum Kanun Melaka dalam fasal 12.3 telah memperuntukkan hukum sebat 80 kali. (14) Hukuman ini berdasarkan Undang-undang Islam sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Dan orang-orang yang menuduh wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan 4 orang saksi, maka deralah 80 kali dera, dan jangan lah kamu terima kesaksian mereka buat selama-lamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik"

(Surah Al-Nur:4)

Untuk kesalahan Murtad pula Hukum Kanun Melaka memperuntukkan dalam fasal 36.1 bahawa,

"Apabila seseorang itu murtad, disuruh taubat tiga kali. Jikalau tiada mau ia taubat dibunuh pada hukum Allah harusnya dan jangan dimandikan, dan jangan disembahayangkan dan jangan ditanam pada kubur Islam". (15)

Peruntukan ini bersesuaian dengan hadis Rasuluallah yang bermaksud,

"Barang siapa yang menukarkan ugamanya
maka bunuhlah dia"

(Diriwayat oleh Abu Dawud)

Hukuman mencuri juga termasuk dalam Hukum Kanun Melaka. Dalam fasal 11.1, Hukum Kanun Melaka memperuntukkan hukuman potong tangan.(16) Dan hukuman ini bersesuaian dengan firman Allah yang bermaksud:

"Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan mereka sebagai pembalasan apa yang telah mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah".

(Al-Maidah: 38)

Bagi kesalahan meminum arak pula Hukum Kanun Melaka dalam fasal 42 mengenakan hukuman 40 kali sebatan ke atas mereka yang merdeka dan 20 kali sebat bagi hamba.(17) Hukuman ini sesuai berlandaskan hadis Rasuluallah yang bermaksud,

"Rasulullah s.a.w. telah menghukum sebanyak 40 kali jilid begitu juga Saidina Abu Bakar tetapi Saidina Umar menghukum sebanyak 80 kali semuanya adalah sunnah yang ini aku lebih sukai".

(Diriwayat oleh Abu Dawud)

Dari peruntukan-peruntukan dalam Hukum Kanun Melaka boleh dijadikan bukti Undang-undang Islam dilaksanakan di Melaka. Bukti perlaksanaan Undang-undang Islam telah dilaksanakan

di Melaka boleh didasarkan kepada Kitab Sejarah Melayu.

Mengikut Sejarah Melayu, perlaksanaan Undang-undang Islam adalah merupakan tanggungjawab pemerintah ketika itu.

Jelasnya,

".... kerana hukum itu raja yang empunya
hukum akan segala hukum yang salah. Adapun
segala hamba kamu yang salah itu ditegur
ajari oleh kamu sekelian, kerana pada yaumi
al-Qiyamah atas batang leher kamu itu ter-
gantung pekerjaan itu... bermula menitah
hamba-hamba sekeliannya Sultan al-Adil Kamil
Muzzaffar Shah Mulkan Huwa Sultanu wa qada Ala
al- Barriya al-Adluhu wa Ihsanuhu ialah meng-
ikut perentah ayahnda baginda Seri Sultan Muhammad
Khalifah al-Mu'minin Zilal Allah fial Alam me-
lakukan hukum Allah Taala di dalam dunia di-
dalam akhirat kepada segala hamba Allah Ta zim
Li Amrillah wa Shafa Utih Ala Khalqihi. Demi-
kianlah Amr Maruf Wa al Nahyi ani al-Munkar, ber-
mula hampapun melakukan hukum Allah hendaklah
kebijakan kepada segala rakyat ... (18)

Perlaksanaan Hukum Islam diperkuatkan lagi oleh kitab Sejarah Melayu yang antara lain menyebut,

"Maka titah Sultan Alauddin kepada Bendahara Paduka
Raja, menyuruh membuat balai disimpang empat dan
di tengah negeri disuruh bubuh seorang penghulu
disana"(19)

Berdasarkan peruntukan-peruntukan dalam Hukum Kanun Melaka serta kenyataan-kenyataan dari Sejarah Melayu boleh dikatakan Undang-undang Islam telah mendapat tempat dan dilaksanakan dalam penghidupan sehari-harian.

2.3. Kedudukan Undang-undang Jenayah Islam Di Malaysia.

Dari huraian di atas, jelas kepada kita Islam telah bertapak dirantau ini selewat-lewatnya pada kurun ke 15, dengan ujudnya Kerajaan Melayu Melaka. Melalui Kerajaan Melayu Melaka ini Islam telah bertapak diseluruh Tanah Melayu. Unsur-unsur kehidupan Islam dari semasa ke-semasa telah diterima oleh masyarakat di negara ini dengan sedikit pengubahsuaian. Penerimaan Nilai-nilai Islam dapat dilihat dalam banyak hal samada kegiatan sosial, kesusteraan, kebudayaan, pendidikan, ekonomi, intelektual, seni dan juga soal-soal bersabit hukum hakam.

Boleh dikatakan hukum Islam telah diamalkan oleh masyarakat di negara ini, termasuk hukum-hukum bersabit dengan jenayah agama seperti berzina, meminum minuman keras, mencuri dan lain-lain lagi. Penggunaan Undang-undang Islam ini dapat dibuktikan melalui rekod-rekod ber-tulis seperti Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Laut Melaka dan juga Hukum Kanun Perak.

Malangnya dengan kedatangan penjajah terutamanya British, perkembangan Islam menghadapi cabaran yang besar. British mengambil alih pentadbiran negara dan Undang-undang Islam diganti dengan undang-undang British, kecuali Undang-undang keluarga. Satu dari sebab besar Undang-undang British

diterima tanpa banyak bantahan dari masyarakat perbumi ialah kerana Undang-undang British lebih adil daripada Undang-undang yang ujud pada masa itu.(20)

Sekarang kita telah merdeka, tetapi apakah sebabnya bila kita mengadakan sistem kehakiman dan Undang-undang untuk negara kita yang telah merdeka, kita masih memilih sistem Undang-undang British yang dibawa masuk ke Malaysia oleh penjajah dan kita memperkuuh dan mengagungkan Mahkamah Sivil. Undang-undang Islam telah diberi kedudukan yang rendah dalam kehakiman negara.

Diakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Bersesuaian dengan kedudukan ini, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama bagi Persekutuan. Peruntukan ini bertujuan memberi beberapa keutamaan kepada Islam dalam beberapa perkara yang ditetapkan oleh perlembagaan yang berhubung dengan bantuan kewangan, untuk meninggikan syiar Islam, menetapkan Yang Dipertuan Agong selama-lamanya orang Islam, menyekat dan mengawal penyebaran agama lain kepada orang-orang Islam dan beberapa upacara resmi. Perlembagaan Persekutuan adalah Undang-undang Tertinggi Persekutuan. Setiap Undang-undang yang diakuatkuasa hendaklah tidak bertentangan dan bercanggah dengan nya. Ini disokong oleh petikan di bawah ini:

"Perlembagaan ini adalah Undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa Undang-undang lain yang diluluskan selepas hari merdeka yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah ter-

batal setakat yang berlawanan itu"

(Perlembagaan Persekutuan Per.II.5)

Jadi jelas disini perlembagaan merupakan Undang-undang paling utama. Keadaan ini bertentangan dengan Undang-undang Islam yang bersumberkan Al Quran dan Hadis. Kuasa Perlembagaan tidak boleh diatasi oleh mana-mana perundangan lain termasuk Undang-undang Islam. Ini dinyatakan oleh Perlembagaan yang mengatakan tidak apa-apa dalam perkara ini mengurangkan kuasa mana-mana peruntukan lain dalam perlembagaan.

Menurut Perlembagaan, Undang-undang Islam tidak mempunyai kuasa menyeluruh tetapi hanya boleh dikuatkuasa terhadap orang-orang Islam sahaja. Menurut Perlembagaan ini:

"Semua orang adalah sama rata disisi Undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama rata disisi Undang-undang"

(Perlembagaan Persekutuan,
Per. 8(5)(a))

Dengan kedudukan perlembagaan sebagai Undang-undang paling utama, maka kedudukan Undang-undang Islam mendapat kedudukan yang kecil. Jadi secara tidak langsung Undang-undang Islam tidak dapat dilaksanakan dalam keadaan yang sebenarnya. Ini dapat dilihat bila kita meninjau perlaksanaan Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia. Dalam pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia hanya menyebut sebahagian kecil jenayah dalam Islam terutama perkara-perkara yang bersabit dengan soal nikah kahwin, berzina,

berkhawat, meminum arak, gagal tunai kewajiban ibadah, penukaran agama, pengambilan anak angkat dan lain-lain.(21)

Manakala kesalahan jenayah seperti membunuh, merompak, mencuri, menipu dan lain-lain terkandung dalam Kanun Kesiksaan negara. Jadi kesalahan-kesalahan Hudud yang diberi tempat dalam enakmen-enakmen tersebut hanyalah kesalahan berzina dan meminum arak.(22) Meminum arak hanya disebut kesalahan jika minum dikhalayak ramai. Manakala dalam Islam perbuatan meminum arak tidak kira dimana adalah tetap salah dan haram. Sedangkan kesalahan-kesalahan hudud yang lain seperti mencuri, merompak, tuduhan palsu, berzina, tidak terdapat dalam enakmen tersebut.

Bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah begitu terhad kerana ditentukan oleh Undang-undang Persekutuan Muslim Courts Act 1965 telah memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa di atas kesalahan yang boleh dipenjara lebih dari 6 bulan atau denda lebih dari \$1,000 atau kedua-duanya sekali.

Hukum-hukum yang ditetapkan dalam-dalam enakmen-enakmen itu hanya diletakkan dalam satu kategori iaitu dengan didenda atau penjara atau kedua-duanya sekali, sedangkan pada lahirnya kesalahan itu boleh dipecahkan 2 iaitu hudud dan ta'zir.

Hukuman-hukuman yang dijatuhkan adalah terlalu longgar dan tidak mengikut lunas-lunas Undang-undang Islam. Misalnya jika seseorang disabit kesalahan khawat, boleh dihukum dengan denda tidak lebih \$1,000 atau penjara tidak lebih dari

6 bulan atau kedua-duanya sekali. Hukuman yang sama juga dijatuhkan jika seseorang itu disabitkan kesalahan zina dengan seseorang yang diketahui isteri orang atau ber-setubuh dengan orang yang ditegah oleh syarak.

Kalau berpandu kepada Undang-undang Islam yang sebenarnya, bagi pesalah yang telah sabit kesalahannya, dihukum rejam sampai mati jika mereka pernah berkahwin dan 100 kali sebatan bagi yang belum pernah bernikah. Hukuman ini adalah tetap, tidak boleh ditambah atau dikurangkan. Hakim hanya perlu menjalankannya jika disabitkan kesalahan.

Satu lagi kelemahan dalam enakmen Undang-undang Islam di Malaysia ialah Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang terhad. Hakim atau Mahkamah hanya mempunyai kuasa dalam membicarakan kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam sahaja. (23) Walaupun orang bukan Islam melakukan kesalahan yang sama dengan orang Islam, tetapi mereka tidak dapat di dakwa. Ini bertentangan dengan konsep keadilan dan kesamarataan dalam Islam. Dalam melaksanakan hukuman ke atas pesalah, Islam tidak membezakan diantara orang-orang yang tinggal dalam negaranya sama ada mereka itu orang Islam atau bukan Islam.

Kesimpulannya dapat dikatakan walaupun Islam adalah merupakan negara Islam, tetapi dalam soal kehakiman, Undang-undang Islam terutama yang bersabit dengan jenayah Islam telah diberi tempat dan bidangkuasa yang terhad dan Mahkamah Syariah yang mentadbirkan Undang-undang Islam boleh dikatakan diberi tempat yang paling rendah di dalam suasana Mahkamah.

Islam di Malaysia

2.4.a. Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia

Di dalam Perlembagaan diperakui bahawa Islam ialah ugama Negara (Persekutuan). Di dalam perkara (3) Ceraian (I) Perlembagaan berbunyi,

"Ugama Islam ialah ugama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh juga diamalkan dengan aman dan damai dimana-mana bahagian dalam Persekutuan."

Namun begitu yang dimaksudkan dengan Persekutuan adalah tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Perkara (38) Ceraian (7) menjelaskan,

"Tugas Majlis Raja-raja ... meliputi seluruh Persekutuan adalah tidak termasuk Sabah dan Sarawak dan oleh yang demikian negeri-negeri itu hendaklah disifatkan sebagai tidak termasuk dalam sebutan seluruh Persekutuan"

Di dalam pentadbiran Ugama Islam, adalah terletak sepenuhnya di bawah kuasa Kerajaan negeri. Sultan negeri masing-masing menjadi ketua ugama negeri masing-masing. Oleh kerana Pulau Pinang dan Melaka tidak mempunyai Sultan, maka Yang Dipertua Negerinya tidak semestinya beragama Islam. Untuk negeri ini hak kuasa Ugama adalah di bawah Yang Dipertuan Agong.

Kuasa Sultan sebagai Ketua Ugama Negeri masing-masing terkandung dalam Perkara (3) Ceraian (2) berbunyi

"Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja (Melaka dan Pulau Pinang) kedudukan Raja sebagai Ketua Ugama Islam ... diakui dan disyiharkan oleh Perlembagaan Negeri, segala hak keistimewaan, hak kedudukan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Ugama Islam tidaklah tersentuh dan tercatit..."

Perkara (3) Ceraian (3) pula berbunyi,

"Perlembagaan Negeri Melaka dan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberikan kepada Yang Dipertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Ugama di dalam negerinya"

Mengenai kuasa Yang Dipertuan Agong dalam bidang Ugama ini baginda adalah Ketua Ugama Negeri asal baginda, ketua Ugama di Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Sementara dalam upacara atau amalan tertentu baginda diberi hak oleh Raja-raja Melayu sebagai Ketua Ugama di negeri masing-masing mewakili baginda semua.

Perlembagaan Malaysia Perkara (3) Ceraian (2) berbunyi;

... dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Ugama membenarkan Yang Dipertuan Agong mewakilinya.

Namun begitu walaupun Perlembagaan memperakui Islam sebagai Ugama Negara, tetapi Ugama lain tidak di ganggu dan diberi kebebasan. Perkara (4) Ceraian (2) menyebutkan;

"Tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan ugamanya dan tertakluk kepada Fasal (4) mengembangkan ugamanya".

Tiap-tiap penganut ugama diberi hak menguruskan hal ehwal ugamanya sendiri, menubuh dan menyelenggara Yayasan bagi maksud-maksud Ugama atau Khairat dan memperolehi dan mempunyai harta serta memegang dan mentadbirkannya mengikut Undang-undang.

Namun begitu penganut-penganut ugama lain boleh disekat dari menyebarkan ajaran mereka dikalangan orang Melayu, yang ditakrifkan oleh Perlembagaan sebagai semuanya berugama Islam. Ceraian (4) Perlembagaan menyebutkan,

"Undang-undang negeri boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan ugama antara orang-orang

yang menganut Islam "

Bagi pembiayaan pentadbiran, penyelarasan dan perkembangan Ugama Islam, Perlembagaan membuat peruntukan khas supaya Kerajaan boleh memberikan peruntukan wang dan harta Kerajaan. Perkara (12) Ceraian (2) menyebutkan,

"Undang-undang Persekutuan atau negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas untuk menubuhkan atau menyelenggara Yayasan-yayasan atau untuk tujuan mengenai Ugama Islam itu"

2.4.b. Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam

Kuasa Pentadbiran Ugama terletak dalam tangan Kerajaan Negeri. Perlembagaan Negeri menentukan pembentukan badan khas bagi mentadbirkan soal ini. Badan ini diberi nama Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Negeri atau Majlis Hal Ehwal Ugama atau Adat Istiadat Melayu Negeri dan nama-nama lain mengikut sepertimana yang ditentukan oleh Perlembagaan Negeri masing-masing. Penubuhan Majlis ini tidaklah mengugat kedudukan Sultan sebagai Kuasa Tertinggi dalam pentadbiran Ugama Islam negeri. Malah Majlis ini berfungsi sebagai penasihat kepada Sultan dalam Hal Ehwal Ugama dan melaksanakan arahan-arahan Sultan dalam hal Ugama.

* Majlis ini diketuai oleh seorang yang Dipertua yang dibantu oleh seorang Kadhi Besar dan Kadhi Daerah. Disamping itu setiap Negeri juga mempunyai seorang

Mufti yang bertanggungjawab bagi mengeluarkan sesuatu fatwa mengenai hal-hal Ugama. Majlis ini diberi beberapa tugas tertentu,

- a) Mengurus dan membicarakan hal ehwal yang berkaitan dengan penceraian, khawat, tidak berpuasa dalam bulan Ramadan, enggan menunaikan sembahyang Jumaat, bersekedudukan dan lain-lain yang bertentangan dengan Undang-undang Syarak.
- b) Mengeluarkan tauliah kepada guru-guru disetiap Negeri.
- c) Menjaga harta wakaf dan Baitul-Mal dan mentadbirkannya untuk kepentingan orang Islam.
- d) Mengutip zakat dan fitrah. Kutipan ini biasanya oleh satu jawatankuasa khas yang tertakluk ke bawah Majlis ini. Majlis ini ditadbirkan mengikut Undang-undang Islam dan berkuasa ke atas orang-orang Islam sahaja.

Untuk menguruskan **soal keadilan** dan pendakwaan di bawah Majlis ini, Mahkamah Syariah ditubuhkan di peringkat Negeri dan Daerah. Kadhi Daerah dan Kadhi Besar menjadi Hakim Mahkamah ini. Jika keputusan Mahkamah Syariah dicabar dan dibawa ke Mahkamah Awam, maka keputusan Mahkamah Awam adalah muktamad.

Sungguhpun kuasa pentadbiran Ugama Islam berada di tangan Kerajaan Negeri, tetapi penyelarasan Hal Ehwal Ugama Islam antara Negeri sentiasa ada. Soal-soal Ugama sering menjadi tajuk perbincangan Majlis Raja-raja. Bagi tujuan penyelarasan inilah juga Majlis Hal Ehwal Ugama Persekutuan ditubuhkan. Anggota Majlis ini terdiri dari wakil Majlis Ugama Negeri.

Walaubagaimanapun keanggotaan Majlis ini adalah sukarela (tidak mestii). Oleh kerana itu terdapatlah Majlis Hal Ehwal Ugama Negeri yang tidak menyertai badan ini.

Kerana tujuan menyelaraskan dan melicinkan pentadbiran Ugama jugalah, maka Jabatan Perdana Menteri diberi peruntukan khas untuk tujuan memberikan bantuan dan menjalankan kerja atau aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan perluasan Ugama Islam.

Walaupun Islam tidak dijadikan Ugama Resmi di Sabah dan Sarawak tetapi Perlembagaan Persekutuan ada membuat peruntukan mengenai Ugama Islam. Di bawah peruntukan ini Perlembagaan Negeri boleh mengadakan satu fasal untuk membolehkan Kerajaan Negeri menyekat penyebaran Ugama asing dikalangan penganut Islam.

Walaubagaimanapun sebarang kelulusan mengenai Undang Ugama yang berkaitan dengan negeri tersebut mestilah terlebih dahulu mendapat persetujuan Yang Dipertuan Agong.

NOTA KAKI

1. P.E. De Josselin De Jong, Agama-agama Di Gugusan Pulau-pulau Melayu, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1965) hlm. 73.
2. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, Islam dan Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, K. Lumpur 1972, hlm. 21-56.
3. Mastika, (Jawi), Utusan Melayu Berhad, bil. 10, 1965, hlm. 34.
4. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, The Correct Date of Trengganu Inscription, (K. Lumpur: Muzium Negara, 1970) hlm. 24.
5. Ibid, hlm. 24.
6. Syed Muhammad Naquib Al-Attas, Islam dan dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, op-cit. hlm. 30.
7. W.G. Shellabear, Sejarah Melayu, (Kuala Lumpur), Oxford University Press, 1967. hlm. 56.
8. Ibid, hlm. 76
9. Azizan A. Razak, The Law in Malacca Before and after Islam, Persatuan Sejarah Malaysia, k.h. 1980. hlm. 29.
10. Kassim Ahmad, Islamisasi Undang-undang di Malaysia: Masalah dan Cabaran, Berita Harian, Selasa 17 Feb, 1987, hlm. 10.
11. Berbeza dengan naskah yang telah diselenggarakan oleh Ph. S. Van Ronkel, naskah terakhir dan penyelenggaraan yang lebih menarik telah dilakukan oleh Liaw Yock Fang ber-judul Undang-undang Melaka, The Hague, 1976. Teks editan

Liau lebih membentangkan Undang-undang di darat. Sementara Undang-undang yang berhubung dengan laut dirujuk dari naskah R.O Winstedt dan J. de Jong, (eds), 'The Maritime Laws of Malacca', dalam JMBRAS, XXIX, iii, 1965, hlm. 25-77.

Penelitian yang menarik untuk mengkaji Sejarah Ekonomi dan Perdagangan orang-orang tempatan dan orang-orang asing berdasarkan Undang-undang ini dapat dilihat dalam Meilink-Roelofz, Asian Trade and European Influence Between 1500 - 1630, The Hague, 1960, Bab II-III.

Untuk tujuan rujukan digunakan kitab Sejarah Melayu edisi Shellabear, Singapura, 1961. Untuk tujuan perbandingan pula digunakan Sejarah Melayu naskah Raffeles MS. 18. Lihat Winstedt, "The Malay Annals or Sejarah Melayu" dalam JMBRAS, Jil. XVI, Bil. III, 1938, hlm. 1-226.

12. R.O Winstedt, The Malays A. Cultural History, London hlm. 100.
13. Ibid, hlm. 158
14. Ibid, hlm. 84
15. Ibid, hlm. 148
16. Ibid, hlm. 80
17. Ibid, hlm. 101.
18. W.G. Shellabear, op-cit, hlm. 22.
19. W.G. Shellabear, Ibid, hlm. 129.
20. Kassim Ahmad, op-cit, hlm. 10.
21. Ahmad bin Ibrahim, Prof. Dato', Islamic Law in Malaya, Kuala Lumpur 1975, hlm. 316.

22. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor, bil. 14,
1978.
23. Lihat Enakmen berkenaan bahagian kesalahan, Melaka,
1959.

Bab 3 (Teori dan Konsep)3.1 Pengertian Jenayah Dan Teori Penghukuman

Ahli Undang-undang memberi takrif yang berbeza mengenai jenayah, sama ada dalam Undang-undang Islam, Undang-undang Malaysia mahupun Undang-undang Moden atau Barat. Intisarinya menunjukkan bahawa ketiga-tiga Undang-undang ini mempunyai konsep yang berbeza antara satu sama lain.

3.1.1 Konsep Undang-undang Jenayah Islam

Undang-undang Islam merupakan hak Allah dan hak manusia. Mempunyai konsep yang luas meliputi soal-soal ketuhanan dan maslahat manusia. Mengandungi unsur-unsur dan kaedah tertentu sebagai dasar pengubalan Undang-undang. Sesuatu perbuatan yang dilarang atau ditinggalkan apa yang disuruh tidak dianggap sebagai jenayah dan tidak ada siksaan atau hukuman melainkan dengan adanya nas.

Perkataan jenayah berasal dari bahasa Arab iaitu "jinayatan" yang dari segi bahasanya bererti perlanggaran batas atau melanggar batas-batas yang busuk.

Dari segi istilah jenayah ialah satu nama yang digunakan untuk perbuatan yang haram dari segi syarak sama ada terhadap tubuh badan, harta benda atau Agama.

(I) Apa yang dimaksudkan dengan jenayah dalam Islam ialah meninggalkan perbuatan yang diperentah dan melakukan perbuatan yang ditegah. Dengan itu ia dapat dibahagikan kepada 2 iaitu

- Melakukan perbuatan yang haram dari

segi syarak seperti murtad, berzina, mencuri, merompak, membunuh, menipu, mengkhianat dan lain-lain yang boleh dihukum dengan hukuman had(hudud), qisas dan takzir.

- b) Meninggalkan apa yang diperintah oleh syarak secara wajib atau fardhu seperti meninggalkan sembahyang, tidak berpuasa, tidak mengeluarkan zakat dan lain-lain suruhan wajib.

Mengikut Undang-undang jenayah Islam, murtad adalah merupakan jenayah yang paling besar, kerana ia melanggar unsur-unsur ketuhanan dan mencabul hak asasi manusia. Oleh itu hukuman atau siksaan bunuh bagi kesalahan ini adalah wajar. Mengenai perkara ini Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Tidak halal darah seorang muslim yang telah bersaksi bahawasanya tiada tuhan yang disembah dengan sebenarnya melainkan terhadap salah satu dari tiga (orang) iaitu penzina yang telah berkahwin (muhsan) pembunuhan orang tanpa hak dan orang yang meninggalkan agamanya (murtad). (2)

Hadis ini menunjukkan bahawa menjaga agama adalah paling tinggi mertabatnya di dalam Islam. Meninggalkannya merupakan jenayah yang paling besar. Diikuti pula oleh menjaga nyawa, akal, keturunan dan harta.(3) Meninggalkan jagaan hak asasi manusia ini merupakan perbuatan jenayah yang di-

kenakan hukuman kerana ia meninggalkan unsur ketuhanan dan hak asasi manusia.

3.1.2 Konsep Undang-undang Jenayah Malaysia

Undang-undang Jenayah Malaysia bukan dianggap sebagai hak atau individu tetapi dianggap sebagai hak masyarakat atau hak awam.(4) Tidak meliputi unsur-unsur ketuhanan, tetapi terhad kepada kepentingan masyarakat. Oleh kerana itu murtad bukanlah kesalahan di dalam Undang-undang Jenayah Malaysia.

Mengikut Undang-undang Jenayah Malaysia, melakukan sesuatu perbuatan jenayah (actus reus) atau tinggalkan jenayah (illegal omissions) adalah dianggap melakukan dosa terhadap masyarakat. Sir Carleton Allen pernah mengatakan mengenai perkara ini.

"Jenayah dianggap jenayah sebab ia mengandungi perbuatan salah yang langsung dan darjah ancamannya terhadap masyarakat agak ketara, dan sebab itu adalah tidak selamat dengan membolehkan hak menuntut (redressable) dengan mengenakan ganti rugi atau pampasan (coperation) semata-mata untuk pehak mangsa". (5)

Ini bermakna meninggalkan sesuatu kewajipan yang disuruh oleh masyarakat adalah melakukan perbuatan jenayah. Begitu juga melakukan perbuatan yang dilarangnya. Seksyen 33 Kanun Keseksaan memperuntukkan mengenai perkara ini,

"Perkataan perbuatan maknanya suatu siri perbuatan

juga sesuatu perbuatan tinggal, perkataan "ketinggalan" maknanya suatu siri ketinggalan serta juga ketinggalan tinggal. (6)

3.1.3 Konsep Jenayah Moden/Barat

Definisi Jenayah Moden pula adalah sesuatu yang amat sukar. Menurut Kenny,

"The Truth Appears to be that no satisfactory definition has yet been achieved, and that is indeed, not possible to discover a legal definition to crime which can be of value for English Law. The reason for this are to be found in the history of our Common Laws" (7)

Satu sifat penting jenayah moden ialah unsur kemudaratan yang besar yang boleh memudaratkan masyarakat umum. Ia melibatkan pula pihak yang berkuasa seperti Kerajaan untuk mendakwa pelaku jenayah mengikut Undang-undang. Jika sesuatu kesalahan menimbulkan kemudaratan yang kecil antara sesama individu yang terlibat dan penyelesaiannya tidak melibatkan pihak Kerajaan tetapi hanya antara pihak yang terlibat saja maka ianya tidak dianggap sebagai kesalahan jenayah tetapi dikatakan kesalahan tort.

Disinilah sukarnya untuk mendefinisikan jenayah, sebab hubungannya yang hampir sama dengan tort. Dari satu segi sesuatu kesalahan boleh dikatakan jenayah dan sebaliknya kesalahan jenayah itu boleh menjadi kesalahan tort pula. Untuk membezakannya terpaksa lah diteliti perkara yang di-

sebutkan tadi iaitu dari segi kemudaratan, penyelesaian dan pehak yang terlibat.

Bagaimanapun Kenny cuba mendefinisikan jenayah sebagai

- a) Satu bencana yang disebabkan oleh tingkah laku manusia dimana pehak berkuasa sebuah Negara ingin mencegahnya.
- b) Antara cara-cara pencegahan yang dipilih ialah pengenaan hukuman.
- c) Cara perundangan dalam bentuk yang khas diguna untuk menentukan sama ada orang dituduh sebenarnya menyebabkan bencana tersebut dan dari segi Undang-undang boleh dijatuhkan hukuman kesemua perbuatan tersebut. (8)

Jadi ianya merangkumi tiga aspek iaitu,

- a) Mesti terdapat suatu perbuatan yang melahirkan kerosakan.
- b) Mesti terdapat alat untuk mencegah perbuatan itu iaitu hukuman.
- c) Mesti terdapat satu acara yang khas untuk memutuskan seseorang itu bersalah atau berhak dihukum mengikut Undang-undang. Disini memerlukan acara yang khas dalam perbicaraan sama ada dari segi keterangan, pembuktian, pembelaan dan sebagainya. (9)

lagi iaitu sebab ketuhanan yang mana kedudukan jenayah telah ditentukan oleh Allah S.W.T sebelum kejadian manusia lagi. Sebab itulah pada setengah perbuatan seperti meringgalkan sembahyang, enggan mengeluarkan zakat dianggap jenayah sebab terdapat unsur maksiat disisi Allah. Jadi unsur-unsur kemudaratan tidak begitu tepat dalam Islam untuk mengukur jenayah. Satu unsur yang jelas dalam jenayah Islam ialah unsur maksiat. Allah telah berfirman, yang antara lain bermaksud,

" Dan hendaklah ada diantara kamu segolongan manusia yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh kepada makruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang berjaya ".

(Al Imran: 104)

Dengan ini segala perbuatan jenayah seperti mencuri, berzina, merompak dan lain-lain jenayah adalah maksiat yang patut diberi ganjaran setimpal di dunia lagi seperti hukuman hudud, gisas dan takzir. Walaupun unsur kemudaratan tidak tepat namun ianya mustahak juga. Cuma yang lebih penting ialah sebab-sebabnya yang telah ditentukan oleh Allah. Allah menegahnya disebabkan adanya unsur-unsur mudarat dan tidak bermoral tadi. Misalnya tegahan terhadap arak dan judi, Allah telah berfirman dengan maksud

"Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi, katakan kepadanya bahawa kedua-dua tadi terdapat kemudaratan dan munafaat tetapi ke-

mudaratan lebih besar daripada munafaat seperti per-gaduhan, kebencian dan sebagainya".

(AL Baqarah: 219)

Begitu juga Allah telah mengharamkan zina kerana per-buatan itu adalah maksiat disisi Allah dan menyalahi per-aturan adat dan tata susila hidup rukun dan damai. Larangan Allah terhadap zina adalah perbuatan keji dan satu jalan yang buruk seperti firman Allah yang bermaksud,

"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina adalah perbuatan keji dan satu jalan yang buruk".

Allah berfirman lagi, yang antara lain hermaksud,

"Dan mereka yang tiada menyeru Tuhan yang lain disamping Allah, dan tidak membunuh jiwa yang dilarang Tuhan membunuhnya melainkan dengan hak dan mereka tidak melakukan zina. Maka sesiapa yang melakukan semua itu akan mendapat hukuman. Akan dilipat gandakan siksaan ke atasnya di Hari Kiamat dan mereka tinggal tetap di dalamnya dalam keadaan terhina.

Melainkan orang yang telah bertaubat sahaja, mengerjakan perbuatan-perbuatan yang baik, maka kejahatan orang-orang itu diganti oleh Allah dengan kebaikan. Dan Tuhan itu Maha Pengasih dan Maha Penyayang".

(Al Furqan: 68-70)

Dari ayat ini jelas bahawa zina adalah satu dosa yang amat besar dan mesti dihukum dengan setimpalnya, malah lebih berat lagi semasa di akhirat. Dari sini jelas zina adalah jenayah besar pada pandangan Allah dan mesti dijauhi oleh manusia.

Ditegah oleh Allah ke atas manusia dari melakukan perbuatan zina kerana kemudaratan dan keburukan yang dibawa oleh perbuatan tersebut bukan saja semasa di akhirat malah di dunia lagi. Ini seperti sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud,

"Wahai manusia sekalian! Peliharalah dirimu dari zina kerana pada zina itu ada enam bencana, tiga daripadanya (anda akan menerimanya kontan) di dunia dan tiga lagi di akhirat. Tiga bencana yang akan diterima iaitu menumpulkan kecerdasan otak, menyebabkan papa dan memendekkan umur. Dan tiga dari bencananya di akhirat iaitu kemurkaan Allah, keputusan buruk dalam penghisapan dan siksaan api neraka".

Allah amat melarang manusia dari melakukan perbuatan zina kerana ianya banyak mendatangkan kemudaratan kepada manusia itu sendiri, keluarga dan juga masyarakat. Melakukan perbuatan zina menandakan kerendahan akhlak pelaku itu sendiri, mengakibatkan pertelingkahan dan permusuhan sesama sendiri, membunuh, kaum wanita akan menjadi buruan lelaki dan tempat melepas hawa nafsu dan bermacam-macam lagi gejala buruk.

Kesan buruk dari perbuatan zina ini begitu jelas jika

kita memandang kembali keadaan yang ujud semasa zaman Jahiliah. Kerana wanita masa itu hanya berfungsi sebagai alat memuaskan nafsu sahaja menyebabkan ibubapa lebih rela dengan bertindak menanam hidup-hidup bayi perempuan yang dilahirkan daripada membenarkan ia hidup dan memberi malu kepada keluarga. Keadaan yang sama juga ujud dizaman serba moden ini. Anak-anak haram ini tidak ditanam tetapi dibuang dimerata-rata tempat, di dalam tong sampah, di kaki-kaki lima dan di dalam semak kerana tidak sanggup memeliharanya.

3.2 Teori Penghukuman

Jenayah adalah satu perbuatan atau gejala sosial yang banyak menimbulkan kemudaratan, kebencian dan kutukan masyarakat. Akibat dari perkara di atas, maka ditimbulkan hukuman sebagai satu cara pengubatan atau pembasmiannya.

Hukum bukan merupakan satu karya seni yang adanya hanya untuk dinikmati orang-orang yang mengamatinya. Ia juga bukan satu hasil kebudayaan yang adanya hanya untuk menjadi bahan pengkajian yang adanya hanya untuk menjadi bahan pengkajian secara logis rasional. Hukum diciptakan untuk dijalankan. "Hukum yang tidak pernah, pada hakikatnya telah berhenti menjadi hukum", demikian kata Scholten.

(12)

Namun begitu hukum hanya dapat berjalan melalui persetujuan manusia. Dalam Undang-undang Islam, hukum dicipta oleh Allah S.W.T. dan dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dalam Undang-undang moden, manusialah yang menciptanya. Jadi perjalanan dan perlaksanaan hukum sama ada hukum yang didatangkan dari Allah ataupun Undang-undang ciptaan hanya dapat dilakukan dengan adanya campurtangan manusia. (13)

Hukum mencuba untuk menetapkan pola hubungan antara manusia dan merumuskan nilai-nilai yang diterima oleh masyarakat. Perkaitan antara norma dan nilai masyarakat merupakan satu hal yang penting. Parsons menyatakan bahawa yang disebutkan norma itu adalah satu diskripsi tertulis mengenai satu rangkaian perbuatan yang konkret dan dipandang sebagai satu hal yang diinginkan (desirable). Diskripsi tersebut masih dikombinasikan dengan suatu paksaan untuk mendorong agar perbuatan tertentu dikemudian hari bersesuaian dengan

perbuatan yang dikehendaki itu. (14)

Homans pula mengatakan bahawa suatu norma adalah satu pernyataan (statement) yang dibuat oleh anggota-anggota suatu kelompok, bahawa dalam keadaan tertentu perlu bertingkah laku menurut cara yang tertentu.

Dengan ini hukum adalah diperlukan untuk bertindak sebagai cara pengubatan atau pembasmian perbuatan jenayah. Ahli-ahli teori telah mengemukakan 3 teori asas untuk membenarkan penggunaan hukum.

Bagi ahli-ahli teori di barat, pemberian menghukum ialah sebagai pembalasan (retribution), pertahan sosial (social defence) dan utilitarian. Ketiga-ketiga fungsi ini juga terangkum dalam Islam. (15)

3.2.1 Prinsip Penghukuman Pembalasan (Retribution)

Prinsip ini diasaskan atas tanggapan bahawa setiap kesalahan yang dilakukan oleh manusia mesti menerima balasan setimpal yang mungkin, dulunya berbentuk balas dendam ataupun cara pembalasan yang dilakukan oleh pihak berkuasa. Dalam Islam hukum balas yang setimpal dikenali dengan Hukuman Qisas.

Dalam Al-Quran Allah s.w.t ada menyebut qisas dalam firmanya yang bermaksud,

"Wahai mereka yang beriman, telah diwajibkan kepada kamu qisas ke atas orang-orang yang membunuh"

Pengenaan qisas dijelaskan lagi oleh Allah dalam firmanya yang antara lain bermaksud,

"Dan telah kami wajibkan ke atas mereka dalam (Taurat) bahawasanya nyawa dibalas dengan nyawa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi dan luka-luka pun ada qisasnya"

(Al Maidah: 45)

Firman Allah lagi yang antara lain bermaksud,

"Dan bagi kamu dalam perlaksanaan qisas ada jaminan kelangsungan hidup, wahai orang-orang yang mempunyai hati, moga-moga kamu bertaqwa".

(Al Maidah: 179)

Perkataan qisas dari segi bahasa, antara lain bererti,

- a) Memotong dengan gunting
- b) Memutuskan hujungnya dengan pemotong
- c) Memisahkan sesuatu dengan sesuatu dan sebagainya.

Bila pengertian ini digunakan sebagai istilah Undang-undang maka, ia memberikan kita suatu tanggapan bahawa dalam perlaksanaan hukuman qisas, perlakuan jenayah itu dapat "dipotong atau dihentikan".

Pembalasan adalah merupakan hukuman yang setimpal mengikut ajaran Islam. Dan dalam Agama Judeo-Christian

misalnya, "lex talionis", the "eye-for-eye". Tetapi Islam lebih jauh daripada itu, yang mana hukuman bukan sahaja untuk pembalasan tetapi juga untuk melepaskan azab siksa di akhirat.

Penggunaan Qisas dalam Islam adalah sebagai suatu pembalasan terhadap kesalahan yang dilakukan. Luka dibalas dengan luka, dan patah dibalas dengan patah. Namun begitu penggunaan Qisas bukan sesuatu yang jitu atau tetap. Inilah keistimewaan ia mempunyai kelonggaran-kelonggaran tertentu berdasarkan pertimbangan kemanusiaan dan tolak ansur. Kesalahan dibalas dengan perbuatan yang sama. Namun begitu, jika sekiranya yang menuntut tidak suka membalaas tetapi suka dibalas ganti rugi maka ia boleh berbuat demikian ataupun jika ia hendak memaafkan maka ia bolehlah ia berbuat demikian.

Disinilah keistimewaan Undang-undang Islam yang mana hak diberikan sepenuhnya kepada orang yang teraniaya dengan tiga pilihan yang disebut tadi.

Telah timbul beberapa pendapat bahawa bentuk penghukuman utilitarian lebih bersifat kemanusiaan berbanding dengan bentuk penghukuman pembalasan yang dianggap lapuk dan berkuku besi. Pendapat demikian menunjukkan betapa lemahnya bentuk penghukuman pembalasan. Pendapat ini tidak benar jika dilihat pada Qisas yang mempunyai tiga pilihan seperti yang disebutkan di atas. Lagi pun dalam Islam perlaksanaan hukuman hanya dijalankan setelah ada saksi-saksi yang lengkap dan bukti yang sah. Pendeknya ke-

kejaman bukan sifat Islam.

3.2.2 Prinsip Pertahanan Sosial (Social Defence)

Prinsip ini membahaskan bahawa jika sesuatu masyarakat hendak hidup kekal ianya mesti mempertahankan dirinya sendiri dengan jalan mencegah kejadian jenayah dan merawat orang-orang yang melakukan jenayah. (16)

Prinsip kawalan sosial kebanyakannya berkisar kepada pendapat tokoh-tokoh terkenal yang mengembangkan prinsip ini iaitu Enrici Ferri yang terpengaruh dengan idea-idea Mazhab pemikiran "pergerakan positive" dan Marxist dimana kedua-dua mazhab ini telah membincangkan tentang jenayah, sosiologi dan menganalisa masalah masyarakat.

Oleh sebab terpengaruh dengan "Marxism" beliau telah mengembangkan panganalisaan Marxist terhadap masyarakat dan pada masa itu perkembangan jenayah sangat berleluasa. Beliau telah mengeluarkan pendapat bahawa "pernal punishment" sebagai melampaui batas dalam menghapuskan jenayah. Sebagai gantinya beliau telah mencadangkan "penal-substitute"(hukum ganti) untuk menghapuskan jenayah seperti dalam bidang sosial, politik dan ekonomi dengan mengadakan pembaharuan, sebab dengan pembaharuan sosial boleh mempertahankan perkembangan jenayah.

Bagi Ferri tidak berguna menghukum penjenayah yang tidak dapat berubah dan belajar dari penghukuman yang mana walaupun mereka dihukum, mereka akan kembali melakukannya.

oleh itu beliau mencadangkan dalam hubungan hukuman mestalah terdapat 3 kumpulan masyarakat.

- a) Masyarakat yang tidak melakukan jenayah disebabkan adanya pendidikan moral dan ugama. Dengan itu tidak perlulah hukuman untuk mereka.
- b) Masyarakat yang mempunyai moral yang rendah dan golongan primitif. Oleh itu penggunaan hukuman untuk melawan jenayah dikatakan tidak berguna.
- c) Masyarakat diantara dua golongan di atas yang kadang-kadang melakukan jenayah dan kadang-kadang tidak. Disini hukuman dikatakan lebih berkesan.

Berkenaan dengan hukuman mati ke atas pesalah, Ferri menganggapnya tidak praktik dan disinilah berbezanya prinsip pertahanan sosial dan lain-lain prinsip dari segi kebenaran sosial dan tujuan untuk mempertahankan masyarakat sebab ianya boleh dikurangkan dengan pembaharuan sosial, bukannya hukuman mati.

3.2.3. Prinsip Penghukuman Utilitarian

Prinsip penghukuman Utilitarian dipercayai satu prinsip yang tertua atau sekurang-kurangnya sama tua dengan prinsip pembalasan tetapi terdapat sedikit keraguan yang mana ia biasa dianggap panduan prinsip penghukuman dalam tamaddun Barat yang paling unggul.

Dipercayai teori penghukuman Utilitarian bermula dengan pendapat Hobbes:

"Dalam penghukuman, manusia tidak perlu dipandang kepada kesalahan yang telah banyak dilakukan tetapi perlu kepada apa yang boleh membawa kepada kebaikan untuk diikuti, yang mana kita ditegah mengenakan hukuman dengan cara lain daripada kebenaran pesalah dan nasihat dari orang ramai". (17)

Banyak kekeliruan terhadap kenyataan itu. Keadaan ini berlaku kerana sangat kerap ahli politik dan pentadbir menggunakan prinsip pembalasan untuk penyelesaian Utilitarian. Dengan itu manusia cuba memikirkan tentang pembalasan sebagai suatu keburukan dan Utilitarian pula sebagai kemanusiaan.

Tambahan atas prinsip penghukuman Utilitarian mempercayai bahawa kesalahan yang lalu tidak dapat dibetulkan dengan penghukuman semasa. Ia menolak atau sekurang-kurangnya tidak mempedulikan Undang-undang yang berfahaman pembalasan malah prinsip Utilitarian menganggap atau yakin terhadap satu bentuk ketaatan. Tujuan penghukuman sekarang adalah untuk mempertahankan pesalah dimasa hadapan dengan contoh dan tauladan kepada kedua-dua pihak iaitu pesalah dan kepada manusia keseluruhannya yang mungkin dianggap melakukan kesalahan supaya merenungkan kesalahan dan kejahatan.

3.3 Jenayah Zina, Khalwat dan Meminum Arak: Pengertian dan Hukuman

3.3.1 Zina: Pengertian dan Hukuman

Berbagai-bagai definisi telah diberikan oleh ulama berkenaan zina. Ada mendefinisikan sebagai "pencabulan kemaluan perempuan yang diharamkan melalui wati yang diharamkan pada bukan milik dan bukan milik yang kesamaran". (18)

Al Kasani mendefinisikan zina sebagai nama bagi wati yang diharamkan ke dalam kemaluan perempuan yang masih hidup dengan kerelaannya, dilakukan dalam dar al-adil yang iltizam dengan hukum-hukum Islam dan yang sunyi daripada milik dan milik yang samar-samar dan daripada hak milik serta daripada nikah yang sebenarnya dan nikah yang samar-samar. (19)

Manakala al-shirazi pula mendefinisikan zina sebagai seorang lelaki daripada penduduk negara Islam yang melakukan wati ke atas perempuan yang diharamkan ke atasnya dengan tidak melalui akad atau akad yang kesamaran dan tidak milik atau milik yang kesamaran dan lelaki itu berakal lagi baligh dan tidak dipaksa serta mengetahui hukum zina. (20)

Dengan pengertian di atas boleh dikatakan bahawa zina ialah,

- a) Perbuatan wati yang diharamkan
- b) Dilakukan dengan sengaja
- c) Dilakukan oleh orang yang cukup syarat

sebagai mukallaf.

Dengan ini maka ketiga-tiga perkara di atas sebagai rukun-rukun bagi kesalahan zina yang dipersetujui oleh kebanyakan ulama.

Agama Islam melarang keras penganutnya berzina dan menganggap zina sebagai satu jenayah yang besar. Zina menyebabkan rosaknya kemuliaan dan penghormatan yang diberikan Allah Taala kepada anak Adam. Zina suatu perbuatan yang keji dan seburuk-buruk perbuatan dalam kehidupan manusia. Firman Allah,

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, bahawasanya ia adalah suatu kekejihan dan seburuk-buruk jalan"

(Al- Isra: 22)

Dalam Islam hukuman zina ke atas orang yang belum pernah bersetubuh dari segi pernikahan yang sah ialah seratus kali sebat dan dibuang Negeri selama setahun menurut pendapat setengah-tengah mazhab. Bagi orang yang pernah bersetubuh melalui pernikahan yang sah hukumnya ialah rejam (dilontar dengan anak-anak batu) hingga mati.

Namun begitu ada setengah-setengah golongan memandang hukuman seperti di atas tidak ada perikemanusiaan.

Mereka itu sebenarnya golongan yang tidak faham tentang maksud Allah s.w.t. Tujuan Allah s.w.t. mengadakan hukuman ini ialah untuk menakutkan manusia daripada me-

lakukan perkara yang hina dan terkutuk itu, dan untuk membasmi jenayah yang selalu berlaku kerana dorongan hawa nafsu, yang boleh diatasi dengan cara lain yang bersih dan suci, iaitu dengan cara pernikahan yang sah yang menjamin kesihatan dan ketenteraman kepada manusia.

Jenayah zina mesti dihukum kerana akibat dari perbuatan tersebut bukan sahaja menimbulkan angkara buruk pada diri seseorang yang melakukan jenayah itu tetapi juga melibatkan suasana rumah tangga, kaum kerabat dan anak-anak yang tidak berdosa. Firman Allah Taala yang bermaksud,

"Orang perempuan berzina, dan orang lelaki berzina maka hendaklah kamu sebatkan tiap-tiap seorang daripada mereka itu 100 kali sebatan dan janganlah kamu kasihan belas itu menguasai kamu mengenai mereka berdua dalam agama Allah, jika kamu beriman dengan Allah dan dengan hari akhirat dan hendaklah disaksikan siksaan kedua-duanya oleh semua golongan daripada orang-orang mukmin"

(Al Nur: 2)

Dalam qira'ah shazzah ada disebutkan:

"Orang tua lelaki dan orang tua perempuan (iaitu telah muhsin) hendaklah kamu rejamkan kedua-duanya"

Selain dari dalil di atas, Nabi s.a.w. pernah memerentah

kan supaya direjamkan orang-orang muhsin, lelaki dan perempuan yang mengaku berzina.

Hukuman zina walaupun dipandang berat tetapi sukar dilaksanakan. Ianya dapat dihukum hanya setelah mencukupi syarat-syarat yang tertentu iaitu disaksikan oleh 4 saksi yang adil, yang melihat perbuatan zina itu berlaku dengan mata kepala mereka, seperti mereka melihat satu batang celak yang dimasukkan ke dalam botol celak. Oleh itu kalaulah si saksi hanya setakat melihat lelaki dan perempuan yang bukan suami isteri atau bukan muhrim berada di tempat sunyi yang boleh menimbulkan wasangka (dalam bilek hotel, rumah atau melihat bersama-sama atas katil) segala-galanya ini tidak cukup untuk menjatuhkan hukumah zina. Perbuatan zina yang disaksikan oleh saksi-saksi yang tidak cukup syarat juga tidak boleh diterima. Oleh hal yang demikian, dalam kes-kes yang diterangkan di atas, mereka itu boleh dihukum ta'zir menurut apa yang dipandang oleh pemerintah berdasarkan keadaan-keadaan yang ternyata daripada hubungan mereka itu. Namun begitu apa jua keadaan hukuman zina apabila disabit kesalahannya, tidak boleh sesiapa pun mengampunkan, kerana ini adalah Hak Allah Taala.

3.3.2 Meminum Arak: Pengertian dan Hukuman

Secara mudah arak boleh dikatakan suatu bahan yang sangat merbahaya, memabukkan dan boleh menghilangkan akal fikiran manusia yang waras apabila meminumnya, yang membawa banyak keburukan dan kemudaratan.

Islam mengharamkan meminum arak secara putus kerana

ia dianggap sebagai punca kejahatan. Selain merosakan akal fikiran, ia juga merosakkan kesihatan, menghabiskan wang ringgit malahan boleh menyebabkan pertumpahan darah.

Menurut Islam arak adalah bahan yang sangat merbahaya walaupun Islam tidak menafikan yang arak itu sedikit sebanyak ada juga kebaikkannya. Bahaya yang mula-mula sekali yang menimpa seseorang pemium arak ialah bahaya yang menimpa "akal" iaitu bahagian anggota yang memisahkan manusia dengan haiwan.

Memandangkan bahawa orang-orang Arab Jahiliah hidup dengan arak dan mengamalkan berbagai-bagai maksiat yang lain, maka Islam tidak mengharamkan arak atau menghukumkan orang yang meminumnya dengan serta merta. Ianya melalui berbagai-bagai peringkat.

Peringkat pertama ketika manusia ingin tahu hukum arak, Allah telah menurunkan ayat yang menjelaskan bahawa keburukan yang ada pada arak atau khamar lebih banyak daripada kebaikkannya sebagaimana firmanya:

"Mereka bertanya kamu (Muhammad) mengenai khamar dan judi, katakanlah bahawa pada kedua-duanya dosa yang besar dan bermanfaat kepada manusia, tetapi dosa kedua-duanya itu lebih besar dari manfaat"

(Al-Baqarah: 219)

Peringkat kedua, seterusnya Allah melarang orang-

orang yang dalam keadaan mabuk menunaikan solat sebagaimana firmanya yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu hampiri solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk sehingga kamu mengetahui apa-apa yang kamu cakapkan"

(Al-Nisa: 43)

Akhir sekali turunlah ayat Quran yang memberi kata putus tentang pengharaman khamar atau arak sebagaimana firmanya yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, mengundi nasib, berhala-hala adalah perbuatan keji daripada perbuatan syaitan, maka jauhilah daripadanya, mudah-mudahan kamu beroleh kejayaan"

Allah mengharamkan arak dan mengenakan hukuman berat, kerana akibat dari perbuatan tersebut membawa kesan pada peminum dan juga masyarakatnya. Berbagai-bagai kemudaratian yang timbul daripada arak.

- a) Merosakkan kesihatan. Rasulullah dalam hadisnya menjelaskan, "bahawasanya arak itu bukan ubat tetapi adalah sebagai pembawa penyakit"

(Diriwayat oleh: Abu Muslim)

- b) Arak adalah punca segala kejahatan seperti maksud hadith Rasulullah(s.a.w). Maksudnya

"khamar adalah punca kejahatan" kerana apabila seseorang itu mabuk dia akan melakukam kejahatan sama ada dari segi percakapan dan perbuatannya, tanpa menyedari akibatnya.

- c) Menyebabkan perpecahan dan permusuhan dalam masyarakat. Seperti firman Allah yang bermaksud,

" Sesungguhnya syaitan menghendaki supaya berlaku permusuhan dan kebencian disebabkan oleh arak dan judi"

(Al-Maidah: 91)

- d) Orang yang mabuk arak tidak mengindahkan tuntutan-tuntutan agamanya dan tidak mempedulikan larangan syara. Firman Allah yang bermaksud,

"Dan arak itu menghalang kalian dari pada mengingati Allah dan daripada menunaikan solat, maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu)

(Al- Maidah: 91)

- e) Menghabiskan harta.

Jadi jelaslah arak itu membawa berbagai-bagai kemudaratian. Dan sewajarnya Islam mengharamkan arak dengan mengenakan hukuman yang berat ke atas perlaku-perlaku.

Hukuman Bagi Kesalahan Arak

Semua ulama fiqh sependapat bahawa hukuman bagi orang yang meminum arak ialah di jilid. Yang berbeza pendapat cuma tentang kadarnya.

Menurut pendapat Imam Malik, Abu Hanifah dan Imam Ahmad hukumnya ialah sebanyak 80 jilid. (21) Manakala mengikut Imam Syafei ialah sebanyak 40 jilid. Walau demikian pesalah boleh juga dikenakan 80 kali jilid jika pemerintah mendapati ianya perlu.

Punca perselisihan para ulama ialah kerana ketiadaan nas Al Quran, hadith dan Athar. Para sahabat pula tidak memberi penjelasan yang jitu tentang kadar yang tertentu.

Dalam Al Quran ada menyebutkan tentang pengharaman arak tetapi tidak ada menetapkan hukuman had. Begitu juga Nabi Muhammad s.a.w. tidak menentukan kadar tertentu. Ada kalanya dengan banyak kali tapi tidak melebihi daripada 40 kali sebatan.

Diriwayatkan oleh Anas bahwasanya Nabi Muhammad s.a.w. menyebut orang yang meminum arak, disebat dengan pelelah tamar dan tapak kasut, dan Abu Bakar pula menyebut sebanyak 40 kali sebatan.

Keseluruhannya disini jelas kepada kita perbuatan minum arak adalah salah satu jenayah yang besar dalam Islam. Ia tidak sahaja membawa keburukan kepada siperlaku, tetapi juga kepada kaum keluarga dan seluruh anggota masyarakat. Dan dengan ini adalah sewajarnya Islam memandang berat dan

mengenakan hukuman yang berat.

3.3.3 Pengertian Khalwat dan Hukuman

Mengikut Kamus Dewan perbuatan khalwat boleh ditakrifkan dengan dua makna. Pertamanya khalwat ditakrifkan sebagai suatu perbuatan mengasingkan diri atau memencilkan diri kerana menenangkan fikiran, bertafakur dan melakukan ibadat. Keduanya ia ditakrifkan sebagai perihal atau perbuatan mengasingkan diri secara berduaan dalam keadaan sumbang di tempat yang terpencil dan tersembunyi oleh seseorang lelaki dengan seseorang perempuan yang tidak berkahwin secara sah.

Dua pengertian ini menunjukkan dua perbuatan yang berbeza tetapi dalam keadaan yang sama iaitu bersunyisunyian. Dari pengertian yang pertama di atas dapat difahami bahawa khalwat adalah satu perbuatan yang baik dan dituntut oleh Islam seperti mana yang dilakukan oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w semasa berkhalwat seorang diri di 'Gua Hira' untuk mencari ketenangan dan kebenaran.

Namun begitu pengertian berkhalwat yang kedua pula adalah berbentuk jenayah yang sangat bertentangan dengan Islam. Ianya adalah satu perbuatan yang sumbang, keji serta dimurkai oleh Allah.

Pengertian Jenayah khalwat Negara ini adalah berdasarkan beberapa perkara yang boleh disabitkan sebagai berkhalwat. Antaranya jika seseorang lelaki dan perempuan yang bukan suami isteri serta mereka pula halal berkahwin kerana bukan

muhrim, duduk berhampiran di tempat yang sunyi serta jauh dari penglihatan orang ramai maka boleh disabitkan bersalah melakukan khalwat. Kedudukan mereka boleh mendatangkan syak sebab duduk berhampiran (berhimpitan) menyebabkan ada kemungkinan mereka melakukan perbuatan sumbang kalau-pun tidak melakukan zina. Perbuatan khalwat juga boleh disabitkan, jika pasangan yang terdiri dari mereka seorang Islam sama ada lelaki atau perempuan dan yang seorang lagi bukan Islam yang juga terdiri sama ada lelaki atau perempuan. Namun begitu sehingga sekarang ini Mahkamah Syariah belum lagi diperuntukkan untuk membolehkan pesalah yang bukan lagi diperuntukkan untuk membolehkan pesalah yang bukan Islam dihukum sama seperti pesalah yang beragama Islam.

Jelas disini boleh dirumuskan bahawa berkhalwat adalah perbuatan yang disukai oleh syaitan, melalaikan manusia dan merupakan satu perbuatan yang dimurkai oleh Allah.

NOTA KAKI

1. Mahfoz Mohammed, Jinayah dalam Islam, Kuala Lumpur, hlm. I.
2. Muslim, Sa'hih Muslim Al Shard al Nawawi, Jil. II di-terjemah oleh Mahfoz Mohammed, hlm. 20.
3. Al-Ghazali, al-Mustasfa, hlm. 287 - 288
4. Mahfoz Mohammed, Op-cit, hlm. 52.
5. Mahfoz Mohammed, Ibid, hlm. 36.
6. Mahfoz Mohammed, Ibid, hlm. 38.
7. Turney, J.W. Cecil, Kenny, Courtney Stauhope, Outlines of Criminal Law (19 th. Edition, Cambridge University Press), 1966, hlm. I.
8. Niqam, R.C., Law of Crimes in India, Vol. I., Bombay, Asia Publishing House, (Copyright), jlm. 34.
9. Untuk keterangan lanjut lihat artikel "The Aims of The Criminal Law" (1985), "23 Law and Comtemporary Problems, 405, iaitu satu nota berbentuk monografi yang telah dicetak semula oleh Fakulti Undang-undang Universiti Malaya 1973, untuk penuntut-penuntut Fakulti tersebut.
10. Hart, H.L.A., Law. Liability and Morality, (London; Oxford University Press, 1962), hlm. 2.
11. Turner, J.W. Cecil, Russel on Crime, Vol. I. (11 th Ed., London Stevens, 1958), hlm. 18.
12. Soerjono Soekanto, Sosiologi Suatu Pengantar: II - I2 Edwin M. Schur, Law, hlm. 33.
13. Ibid, hlm. 5.

14. John Finley Scott, Internalization of Norms, hlm. 68.
15. Newman, Graemeo, The Punishment Response, New York,
J.B. Lippincott 1977, hlm. 189.
16. Ancel, M. Social Defence: A Modern Approach to Criminal
Problems, (New York: Schocken), 1965, hlm. 9-26.
17. Phillipson, C., Three Criminal Law Reforms, (Montclair,
N.J: Patterson-Smith, 1970), hlm. 59.
18. Mahfoz Mohammed, Op-cit, hlm. 14.
19. Al-Kasani, Badai' al-Sanai, Jil. 7. hlm. 23.
20. Al-Shirazi, al-Muhazhab, Jil. 2. hlm. 267.
21. Ibn Al-Human. J

Bab 4 (Analisa Kajian)4.1 Latarbelakang dan Kedudukan Responden

Dalam penyelidikan yang dijalankan berkaitan dengan judul, "Pandangan Masyarakat Melaka Terhadap Usaha Perlaksanaan Undang-undang Islam", seramai 50 orang responden telah ditemubual. Dari seramai 50 orang ini terdiri dari berbagai-bagai peringkat ugama, umur dan pelajaran. Ini dinyatakan melalui jadual-jadual di bawah ini:

Jadual I : Bangsa dan Ugama

Bangsa	Ugama	Bil.	%
Melayu	Islam	35	70
Cina	Buddhis/Kristian	10	20
India	Hindu	5	10
JUMLAH:		50	100

Dari sejumlah 50 responden yang ditemubual 35 orang atau 70% adalah terdiri dari golongan Melayu yang rata-ratanya adalah berugama Islam. Seramai 10 orang atau 20% adalah masyarakat Cina yang merupakan antara penganut Ugama Buddhis dan Kristian dan seramai 5 orang atau 10% adalah masyarakat India yang merupakan penganut Ugama Hindu. Dipilih responder dari berbagai-bagai anutan ugama ini adalah untuk memperlihatkan keperbezaan pandangan mereka terhadap Undang-undang Islam. Pengkaji percaya bahawa kekuatan kepercayaan keugamaan seseorang akan banyak mendorong kepada seseorang itu membuat tanggapan terhadap Undang-undang Islam.

Disamping itu kalangan peringkat umur dan pelajaran juga mem-

pengaruhi pandangan seseorang individu terhadap Undang-undang Islam, baik dikalangan masyarakat Islam maupun kalangan masyarakat bukan Islam. Faktor kematangan dan sifat adalah begitu banyak berkait dengan faktor umur, di mana kalangan mereka dari peringkat umur yang dikatakan muda atau belia mempunyai buah fikiran atau pendapat yang kurang matang. Sementara itu peringkat pelajaran dan aliran pelajaran adalah merupakan salah satu faktor yang amat penting bila seseorang memberi pandangan dan tanggapan mereka terhadap Undang-undang Islam. Yang dimaksudkan dengan peringkat pelajaran ialah setinggi manakah seseorang itu mencapai kejayaan dalam pelajaran. Dan mengenai aliran pula ialah adalah mereka itu terdiri dari mereka yang berpendidikan keugamaan, pendidikan Sekular ataupun mempunyai kedua-dua pendidikan keugamaan dan Sekular.

Kepelbagaiannya peringkat umur, pelajaran serta aliran pendidikan boleh dilihat melalui jadual-jadual di bawah ini.

Jadual 2: Peringkat Umur Responden

Bangsa	Lebih 35 Tahun	Kurang 35 Tahun	Jumlah
Melayu	17	18	35
Cina	4	6	10
India	2	3	5
JUMLAH:	24	26	50

Dalam mengkategorikan umur, pengkaji membahagikan kepada dua, iaitu mereka yang berumur lebih daripada 35 tahun mewakili golongan berumur manakala berumur kurang daripada 35 tahun di-

kira sebagai golongan belia.

Untuk meneliti tahap pendidikan keagamaan pula, pengkaji melihat mengikut bangsa dan ugama. Tahap pendidikan ugama ataupun sekular dikalangan masyarakat Melayu seperti jadual dibawah ini.

Jadual 3: Tahap Pendidikan Ugama dan Sekular

Dikalangan Masyarakat Melayu

Pendidikan	Bilangan	Peratus (%)
Pendidikan Ugama	10	28.6
Pendidikan Sekular	10	28.6
Pendidikan Ugama dan Sekular	15	42.8
JUMLAH	35	100

Dikalangan masyarakat Melayu yang mendapat pendidikan agama ialah seramai sepuluh orang iaitu 28.6 peratus. Pendidikan agama yang dimaksudkan ialah pengkhususan terhadap agama Islam samada secara informal seperti di rumah, sekolah-sekolah pondok dan lain-lain. Terdapat juga pendidikan agama yang dilakukan secara formal di sekolah agama yang didirikan oleh Kerajaan.

Tahap pendidikan sekular pula seramai sepuluh orang iaitu 28.6 peratus. Mereka ini mencapai tahap pendidikan sekular yang baik tetapi dari segi pengetahuan agama adalah sedikit ataupun tipis. Manakala mereka yang berpendidikan ugama dan juga sekular pula seramai lima belas orang iaitu 42.8 peratus. Pendidikan keagamaan mereka diperolehi secara informal dan juga formal seperti belajar di sekolah yang didirikan oleh Kerajaan di waktu petang.

Bagi masyarakat Cina pula, tahap pendidikan yang diperolehi adalah seperti jadual di bawah ini.

Jadual 4: Tahap Pendidikan Dikalangan Masyarakat Cina

Pendidikan	Bilangan	Peratus
Ugama	2	20
Sekular dan Ugama	8	80
JUMLAH:	10	100

Bagi masyarakat Cina, mereka yang mempunyai pengetahuan ugama khususnya ugama Buddha adalah seramai dua orang iaitu 20 peratus. Mereka memperolehi pendidikan keagamaan ini menerusi ibubapa dan juga sekolah yang mengajar pendidikan ugama Buddha. Manakala seramai lapan orang ataupun lapan puluh peratus daripada mereka memperolehi pendidikan agama dan sekular. Pendidikan yang diperolehi ialah secara informal iaitu melalui ibubapa sahaja. Ada juga daripada mereka yang menganuti agama Kristian tetapi pengetahuan ugama mereka adalah amat tipis dan lebih bersifat ikut-ikutan sahaja, khususnya dalam masa perayaan.

Tahap pendidikan masyarakat India juga dapat dilihat menerusi jadual di bawah ini.

Jadual 5 : Tahap Pendidikan Masyarakat India

Pendidikan	Bilangan	Peratus
Pendidikan Ugama	2	40
Ugama dan Sekular	3	60
JUMLAH:	5	100

Melalui penelitian terhadap jadual di atas dapat disenaraikan bahawa sejumlah lima orang responden daripada keturunan India mempunyai latar pendidikan berbeza. Seramai dua orang iaitu empat puluh peratus mempunyai pengetahuan agama dan selebihnya iaitu tiga orang atau enam puluh peratus mempunyai latar pendidikan agama dan juga sekular.

4.2 Kesedaran Masyarakat Terhadap Jenayah Zina, Khalwat, Minum Arak Dan Judi

Melalui data yang diperolehi, bahawa responden memberi berbagai pendapat tentang pelakuan-pelakuan zina, berkhawat, minum arak dan judi. Untuk melihat satuuraian yang jelas tentang pandangan mereka mengenai jenayah yang ditentang hebat oleh ugama terutamanya ugama Islam.

4.2.1 Kesedaran Masyarakat Islam Terhadap Perbuatan Zina, Khalwat, Arak dan Judi

Dari jumlah tiga puluh orang responden yang berugama Islam, didapati semuanya mempunyai pendapat yang sama bahawa jenayah zina, khalwat, arak dan judi adalah perbuatan yang dikeji disisi Allah Subhanawataala dan masyarakat keseluruhannya.

Perbuatan jenayah ugama yang berlaku hari ini, menurut mereka menandakan bahawa satu keruntuhan yang sedang berlaku dalam masyarakat Islam dan jika tidak dibendung akan mendatangkan kemudarat yang besar **samada** kepada si pelaku, keluarga, masyarakat dan juga Negara.

Mereka semua sedar bahawa pelakuan tersebut adalah haram disisi ugama dan juga disisi perhubungan sesama manusia serta tubuh badan si pelaku sendiri. Menurut mereka, walaupun Negara ini adalah Negara Islam dan Ugama Islam adalah sebagai Ugama Resmi, namun jika dilihat dari segi jenayah ugama seperti zina, khalwat, arak dan judi adalah suatu yang mengaibkan serta memalukan. Pada mereka jenayah ugama di Negara ini semakin berleluasa dan semakin meningkat , kadarnya.

Setiap hari di mana-mana sahaja kita begitu mudah melihat pasangan muda mudi melakukan maksiat khalwat secara terus terang tanpa menampakkan sebarang reaksi takut atau was-was. Hal ini seolah-olah dalam masyarakat Islam hari ini membenarkan pasangan muda mudi yang bukan muhrim melakukan perbuatan khalwat, menjadi perkara biasa dan sebagai habit. Ini secara terang-terangan yang kita nampak dan ada hal yang disebaliknya yang dilakukan secara bersembunyi seperti melakukan pekerja sumbang tanpa ada perasaan takut kerana pada mereka itu adalah suatu hak mereka dalam Negara yang menjunjung Demokrasi dimana mereka bebas melakukan apa sahaja selagi ianya tidak bertentangan dengan perlombagaan dan Undang-undang.

Pelakuan zina pada mereka sangat mendukacitakan dan memerlukan perhatian yang serius dari semua pihak. Kata mereka, hampir setiap hari di dalam surat khabar terdapat berita mengenai jenayah zina. Itu yang ber-

jaya dikesan sebaliknya ada yang melakukan secara ekslusif seperti di hotel, bar dan kawasan rumah batu yang sentiasa dikawal adalah amat memalukan. Perkhidmatan sex yang perlu dibayar dengan wang ringgit begitu mudah didapati. Hampir setiap bandar mempunyai pusat perkhidmatan sex yang diredhai oleh Kerajaan.

Begitu juga dengan arak dan judi mencapai tahap yang mendukacitakan dan menjijikkan. Masyarakat Islam sendiri dengan berani melakukan perbuatan tersebut secara terang, apa lagi pada mereka yang bukan beragama Islam. Bekalan arak mudah diperolehi, ia merupakan satu perniagaan yang halal dan diperakui oleh Kerajaan malah sebahagian besar sumber hasil Kerajaan diperolehi dari benda haram ini.

Kesimpulannya bagi keseluruhan masyarakat Islam yang ditemui, menyatakan perasaan sedih dan dukacita di atas perlakuan jenayah yang berlaku di Negara ini. Semakin hari jenayah agama ini semakin nyata samada di kalangan masyarakat Islam sendiri mahupun bukan Islam. Apa yang lebih menyedihkan bagi mereka seolah kegiatan jenayah agama diperakui dan dipandang ringan oleh pihak yang berkuasa iaitu Kerajaan. Dan bagi mereka untuk mengembalikan maruah masyarakat Islam di Negara ini dan juga maruah Negara yang mengakui dalam perlembagaan Negara Islam seharusnya Undang-undang Islam dilaksanakan.

tegah. Dalam perbuatan perhubungan sex sebelum berkahwin, bagi mereka bukanlah menimbulkan masalah yang besar, malah mereka mengatakan agama mereka sendiri tidak mengharamkan perhubungan sex sebelum berkahwin cuma tidak menggalakkannya sahaja.

4.3 Pandangan Masyarakat Terhadap Undang-undang Islam

Dari huraiān di atas, masyarakat mempunyai berbagai-bagai pandangan serta pandangan terhadap jenayah seperti berzina, berkhawat, minum arak dan juga berjudi. Ada yang memandang berat dan tidak kurang pula mengatakannya sebagai pekara biasa sahaja. Tanggapan yang berbagai ini banyak mempengaruhi mereka terhadap usaha-usaha perlaksanaan Undang-undang Islam. Untuk melihat dengan lebih jelas tentang pandangan masyarakat terhadap Undang-undang Islam pengkaji melihat dari dua sudut iaitu, sudut pandangan masyarakat Islam dan sudut pandangan masyarakat bukan Islam.

4.3.1 Sudut Pandangan Masyarakat Islam Terhadap Usaha-usaha Perlaksanaan Undang-undang Islam.

Dikalangan masyarakat Melayu yang rata-rata mengaku berugama Islam juga mempunyai berbagai respon terhadap usaha perlaksanaan Undang-undang Islam. Jelasnya terdapat dua kumpulan pendapat:-

- i. Golongan yang benar-benar inginkan Undang-undang Islam ditegakkan.
- ii. Golongan yang sedar, tetapi teragak-agak menerima Undang-undang Islam.

i. Golongan Yang Benar-benar InginkanUndang-undang Islam Ditegakkan

Golongan ini adalah terdiri dari mereka yang mempunyai tingkat pengetahuan agama Islam yang agak tinggi. Didikan agama yang mereka perolehi samada secara formal iaitu di sekolah-sekolah, mahupun secara informal melalui pendidikan yang diperolehi dari ibubapa, di sekolah-sekolah pondok serta surau dan masjid. Golongan ini meliputi 15 orang atau 43 peratus dari kalangan masyarakat melalui yang ditemubual. Mereka sedar bahawa tidak ada Undang-undang yang lebih baik di dunia ini melainkan Undang-undang Allah yang di bawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Akibat dari kejahilan manusia terhadap Undang-undang Allah ini menyebabkan masyarakat semakin berada di dalam keadaan yang begitu menjijikkan. Di sana sini berlaku berbagai kemungkaran yang antaranya ialah penzinaan, pergaduhan, khalwat, perjudian, pemabukuan arak dan dadah yang berleluasa. Akibat dari pengabaian Undang-undang Allah maka lahirlah berbagai gejala buruk seperti anak haram, pembunuhan anak-anak yang lahir dari perbuatan zina, penyakit sexual seperti AIDS, Siflis dan lain-

lain lagi.

Lebih memalu dan menjijikkan ialah ramai kalangan yang terjebak dalam jenayah agama ini ialah orang-orang Melayu yang beragama Islam. Golongan pertama ini takut jika gejala-gejala buruk tadi dibiarkan akan menambahkan lagi kehancuran masyarakat Islam. Jadi sebagai usaha penyelamatan Undang-undang Islam perlulah diletakkan sebagai Undang-undang dasar di Negara ini. Bukananya Undang-undang Inggeris atau adat yang memusnahkan umat Islam dalam diam. Mereka mengambil contoh Negara Pakistan yang mengambil inisiatif sepenuhnya dalam melaksanakan Undang-undang Islam. Hasilnya kadar jenayah ugama yang berlaku adalah sangat kurang berbanding dengan Negara lain yang mengabaikannya. Undang-undang Islam adalah Undang-undang yang adil dan mencukupi kebahagian hidup di dunia dan akhirat. Perlaksanaan Undang-undang Islam mengikut golongan ini seumpama seorang doktor mengubati pesakitnya. Walau-pun ubat itu pahit namun diberikan juga kepada pesakitnya kerana itulah satu-satu cara untuk mengubati penyakit yang dihadapinya.

Begitu juga dengan Undang-undang Islam, walaupun tegas, adalah mempunyai manfaat yang

besar ke arah kesejahteraan hidup umat manusia. Mereka beranggapan adalah satu yang agak malang bagi sebuah Negara yang melaung-laungkan dirinya sebagai Negara Islam, masih lagi mendaulatkan Undang-undang Inggeris yang dari banyak segi bertentangan dengan Syariat Islam. Apakah yang menjadi keberatan para pemimpin untuk melaksanakan Undang-undang Islam di Negara ini? Perlembagaan sendiri memperuntukkan Islam sebagai ugama Negara dan secara tidak langsung Undang-undang Islam berhak dilaksana dan di daulatkan. Mereka mahukan Mahkamah Syariah diperuntukkan kuasa yang lebih, sebagai jalan membenteras jenayah ugama yang berleluasa. Hukuman denda dan penjara yang dipraktikkan hari ini adalah tidak berupaya membatasi jenayah ugama malahan adalah satu penyebab pertambahan dan peningkatan jenayah ugama hari ini. Hukuman denda yang ringan adalah tidak setimpal dengan jenayah yang dilakukan dan tidak berupaya menyedarkan pesalah.

Bagi golongan pertama ini, kesilapan nyata yang berlaku hari ini ialah kesilapan Kerajaan yang memerentah. Kerajaan tidak bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Undang-undang Islam di Negara ini. Mahkamah Syariah

yang seharusnya bertanggungjawab di dalam soal ini, tidak diberi kuasa yang sepenuhnya menjalankan tugas. Denda atau hukuman yang hendak dijatuhkan adalah begitu terbatas setakat apa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Negara.

Penduduk berbilang bangsa yang menjadi halangan selama ini, tidak lebih sebagai dalih atau alasan daripada Undang-undang Islam dilaksanakan. Bagi golongan pertama ini sifat keMajmukan bukanlah satu alasan yang perlu dipertegas-pertegas. Sejarah telah membuktikan, seperti yang dipraktikkan oleh NaBi Muhammad S.A.W. semasa Islam baru bertapak di Madinah. Walaupun ada golongan Kristian dan Yahudi, Undang-undang Islam masih mampu dipraktikkan malahan masyarakat bukan Islam dapat menerimanya.

Pokoknya Kerajaan yang ada hari ini belum begitu bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Undang-undang Islam. Kerajaan perlu lah mengambil daya inisiatif dan berani dalam usaha melaksanakan Undang-undang Islam.

Selain Kerajaan, golongan pertama ini juga menyalahkan umat Islam Negara ini, kerana mereka sendiri berdolak dalik untuk menerima Undang-undang Islam. Mereka sendiri tidak

dapat menerima dan menyakini Undang-undang Islam, apalagi untuk menyakini orang-orang bukan Islam tentang keberkesanan Undang-undang Islam.

Kesimpulannya golongan pertama ini, memandang berat jenayah ugama seperti berzina, berkhalwat, meminum arak dan lain-lain lagi. Menurut mereka jenayah ugama di Negara ini semakin hari semakin membimbangkan dan memerlukan tindakan yang tegas dan berani dari semua pihak. Usaha-usaha penegahan perlulah dilakukan dengan segera. Pencegahan menurut mereka adalah meliputi pengertian yang luas.

Yang pertamanya, dalam apa juu keadaan sekalipun, Undang-undang Islam perlulah dilaksanakan. Undang-undang Islam yang adil adalah usaha penegahan yang paling berkesan sekali, dalam mengatasi jenayah ugama. Tapi menurut golongan pertama ini, penegahan dengan penderaan fizikal belum mencukupi, dan yang tidak kurang pentingnya mentaliti setiap individu perlu diperbaiki dan diperkuuhkan. Dengan lain perkataan, selain dilaksanakan Undang-undang Islam, perlulah setiap insan atau individu Islam disemaikan dengan pelajaran keagamaan yang mendalam dan berkesan sebagai benteng paling utama bagi mereka dari melakukan

jenayah ugama. Dengan pengetahuan ugama yang tinggi disamping keimanan yang tebal pasti kemungkaran tidak akan berlaku. Tugas memberi pendidikan ugama, seharusnya menjadi tanggung-jawab semua pihak sama ada institusi keluargaan, sekolah, badan-badan Majlis Ugama Islam dan lain-lain lagi. Kesemua institusi ini perlulah mengambil langkah yang berkesan dalam menyemai nilai-nilai keugamaan melalui unsur pendidikan. Institusi kekeluargaan misalnya, sebagai tempat yang pertama seorang individu itu dibesarkan, perlulah memberi pelajaran ugama yang sempurna kepada anak-anak, sebagai santapan rohani mereka. Selain itu Kerajaan perlulah memainkan peranan yang lebih berkesan ke arah mendalami pelajaran keugamaan. Di sekolah-sekolah misalnya, pelajaran ugama Islam perlulah dijadikan sebagai pelajaran wajib supaya setiap individu dapat mendalami ataupun setidak-tidaknya memahami tentang Islam.

Seperti yang diterangkan di atas, golongan pertama ini banyak menyalahkan Kerajaan, di atas perbuatan ugama yang makin berleluasa di Negara ini. Banyak dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan, bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Kerajaan membenarkan penjualan arak dengan pemberian lesen-lesen perniagaan. Dengan

kata lain penjualan arak adalah sah sekiranya mendapat lesen penjualan dari Kerajaan.

Hasil penjualan arak dijadikan salah satu sumber pendapatan Negara yang penting.

Kerajaan juga membenarkan pendirian pusat-pusat hiburan, rumah-rumah tumpangan yang menyediakan perkhidmatan dan hiburan yang bertentangan dengan Islam. Keseluruhannya Kerajaan sendiri banyak membantu berlakunya perkara mungkar dan maksiat.

Jadi bagi golongan pertama ini, Kerajaan perlulah tegas dalam melaksanakan dasar-dasarnya. Penjualan arak hendaklah diharamkan di segala peringkat sama ada di kedai-kedai runcit mahupun di hotel-hotel. Dengan haramnya penjualan arak, bekalan arak tidak ada dan dengan sendirinya berjaya menegah orang ramai dari meminumnya. Begitu juga Kerajaan harus bertindak tegas mengharamkan segala perkhidmatan yang berbentuk maksiat walaupun ianya merupakan salah satu sumber pendapatan negara.

Melihat dari keburukan-keburukan yang ujud dari perbuatan seperti berzina, berkhawat, meminum arak dan lain-lain lagi mendatangkan kemudaratan, golongan pertama ini, mahukan Undang-undang Islam dilaksanakan seberapa segera yang boleh. Semua pehak dari kalangan Kerajaan,

golongan ulamak, umat Islam, ahli Undang-undang dan juga mereka yang bukan berugama Islam perlulah bekerjasama bagi menjayakan usaha ini. Namun pada golongan pertama ini, Kerajaanlah merupakan pehak terpenting dalam menjayakan perlaksanaan Undang-undang Islam. Kerajaan perlulah tegas dan bersungguh-sungguh bagi meletakkan ugama dan Undang-undang Islam di tempat yang tinggi sebagai ugama yang dipilih oleh Allah untuk dianuti oleh umat manusia seperti firmanya yang bermaksud:

"Bahawa Ugama disisi Allah itu ialah
Ugama Islam"

(Al Imran: 19)

Dan firman Allah lagi yang antara lainnya bermaksud:

"Barang siapa mengambil selain dari
Ugama Allah, maka Allah tidak menerima-
nya dan mereka akan mendapat kerugian
di akhirat kelak"

(Al Imran: 85)

ii. Golongan Yang Sedar, Tetapi Teragak-agak
Menerima Undang-undang Islam.

Golongan kedua ini ialah golongan yang dikira mempunyai pengetahuan ugama Islam yang agak tinggi yang diperolehi sama ada di sekolah-sekolah ataupun se-

cara informal seperti di rumah, surau dan masjid-masjid. Mereka sedar hanya Undang-undang Islam sahaja dapat membasmi kemungkaran yang semakin berleluasa, malah mereka sedar bahawa adalah menjadi satu dosa yang besar sekiranya seseorang yang mengaku sebagai Islam menolak perlaksanaan Undang-undang Islam. Golongan ini bersetuju bahawa banyaknya jenayah ugama hari ini adalah kerana hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah adalah terlalu ringan dan tidak berupaya mengatasi jenayah ugama. Bagi mereka sesuatu tindakan perlu diambil bagi membasmi jenayah ugama dari berleluasa, tetapi bukan dengan perlaksanaan hukuman hudud. Bagi golongan kedua ini, walaupun hukuman hudud dilaksanakan, tidak bermakna jenayah ugama dapat diatasi. Bagi mereka apa yang perlu dilakukan oleh Kerajaan ialah melakukan usaha-usaha pembasmian melalui penguatkuasaan Undang-undang.

Misalnya dalam perbuatan meminum arak, Kerajaan tidak perlu menjatuhkan hukuman sebat atau penjara kepada si peminumnya tetapi Kerajaan perlu bertindak ke atas si penjual. Dengan kata lain Kerajaan perlu bertindak mengharamkan penjualan arak sama ada secara terbuka atau tertutup. Dengan sendirinya jika arak

tidak dijual, maka orang tidak meminum arak secara terbuka ataupun secara sembunyi-sembunyi.

Golongan kedua ini juga agak ragu-ragu untuk menerima perlaksanaan Undang-undang Islam kerana takut akan menyekat kebebasan mereka. Kebanyakkan mereka ini adalah terdiri dari golongan belia yang begitu mementingkan keseronokan serta kebebasan. Dalam masyarakat kita hari ini misalnya muda mudi begitu bebas bergaul dan berkomunikasi. Dengan itu, jika Undang-undang Islam dilaksanakan sama sekali akan menyekat kebebasan mereka. Untuk mengelakkan kebebasan mereka dari disekat, mereka mengadakan berbagai alasan daripada Undang-undang Islam dilaksanakan. Menurut golongan ini, dengan perlaksanaan Undang-undang Islam belum tentu boleh mengatasi jenayah ugama. Mereka lebih suka kepada usaha-usaha kesedaran kepada individu atau masyarakat bahawa sesuatu perbuatan itu adalah salah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Usaha-usaha kesedaran ini perlulah diambil oleh ibubapa dan juga institusi Kerajaan.

Golongan kedua ini juga agak ragu-ragu untuk menerima perlaksanaan Undang-undang Islam dengan menjadikan penduduk berbilang kaum sebagai alasan. Kata mereka adalah amat sukar untuk melaksanakan Undang-undang Islam di mana masyarakatnya yang

terdiri dari berbilang kaum dan anutan agama. Persoalan mereka adakah adil seseorang yang menganut ugama Kristian, Buddhis atau Hindu dihukum mengikut peraturan agama Islam. Demi keadilan dan kepentingan politik Negara ini perlaksanaan Undang-undang Islam adalah tidak begitu praktikal kerana tidak memenuhi cita rasa semua penduduk Negara ini. Menurut mereka lagi, Undang-undang yang ada hari ini berdasarkan Undang-undang Barat adalah amat bersesuaian dengan sifat kemajmukan masyarakat Negara ini. Malahan sejak dari dahulu lagi perjalanan Undang-undang Barat ini tidak mendapat tantangan dari masyarakat Islam dan bukan Islam.

Kesimpulannya jelaslah golongan kedua ini sedar bahawa Undang-undang Islam adalah satu-satunya jalan yang berupaya mengatasi jenayah agama dan menjadi satu dosa yang amat besar kepada umat manusia jika tidak melaksanakannya. Namun begitu demi kepentingan diri, sebab-sebab kemasyarakatan, dan politik mendorong golongan kedua ini berada dalam keadaan yang serba salah untuk menerima Undang-undang Islam sebagai Undang-undang dasar Negara ini.

4.3.2 Sudut Pandangan Masyarakat Bukan Islam Terhadap

Perlaksanaan Undang-undang Islam.

Di dalam meneliti arah pandangan masyarakat bukan

Islam terhadap usaha perlaksanaan Undang-undang Islam boleh dibahagikan kepada dua sudut pandangan yang berbeza.

- i. Sudut pandangan yang bersetuju bahawa Undang-undang Islam hanya sesuai dilaksanakan kepada orang Islam sahaja.
 - ii. Golongan yang menolak sama sekali Undang-undang Islam dilaksanakan.
- i. Golongan yang pertama ini adalah golongan yang agak liberal dan mempunyai serba sedikit pengetahuan tentang ugama Islam. Mereka ini terdiri dari lima orang daripada lima belas orang responden bukan Islam yang ditemui bual. Mereka memahami ugama atau Undang-undang Islam melalui pembacaan buku-buku, majalah dan dari rancangan televisyen yang memuatkan berita tentang Islam. Dari pengalaman ini mereka tahu perlaksanaan Undang-undang Islam adalah menjadi satu kewajipan kepada seseorang yang mengaku beragama Islam.

Mereka juga mendalami ugama yang mereka anuti seperti ugama Kristian, Buddhis atau Hindu yang menggalakkan pengikutnya melakukan perkara yang baik dan menjauhkan diri dari melakukan perkara yang buruk, contohnya dalam ugama Kristian menghalang pengikutnya melakukan hubungan sex sebelum berkhawin. Begitu juga dengan ugama Buddhis

dan Hindu yang menghalang perlakuan tersebut. Di sini, mengikut mereka dari segi hukum samada Ugama Islam, Kristian dan lain-lainnya menghalang pelakuan di atas, tetapi yang menjadi perbezaan ialah cara-cara pencegahannya. Dalam Islam ditentukan oleh Allah Subhanawatalla, setiap pelaku zina yang belum berkahwin dikenakan hukuman seratus kali sebatan dan mereka yang sedah berkahwin dikenakan hukuman rejam hingga mati. Bagi ugama Kristian, Buddhis atau Hindu tidak menentukan hukumannya, cuma masyarakat tidak digalakkan melakukan perbuatan tersebut.

Dari kesedaran seperti ini mereka berpendapat adalah tidak wajar Undang-undang Islam dilaksanakan mencukupi semua kaum dan ugama. Pada mereka Undang-undang Islam boleh dilaksanakan mengikut kesanggupan dan anutan ugama seseorang itu. Dengan kata lain jika seseorang itu mengaku sebagai penganut Ugama Islam, maka adalah menjadi kewajipan kepada mereka menerima cara hidup Islam termasuk Undang-undang Islam. Dan penganut ugama selain dari Islam adalah wajib mengikut segala suruhan ugama mereka sendiri. Keadaan ini bersesuaian dengan ideologi Negara ini yang mendaulatkan demokrasi dengan kebebasan berugama sebahagian darinya.

Namun begitu golongan pertama ini ber-

setuju, Undang-undang Islam dikenakan ke atas orang bukan Islam sekiranya mereka secara bersama-sama orang menganut Islam, melakukan perbuatan yang bertentangan dengan Islam. Misalnya seorang bukan Islam melakukan perbuatan zina bersama orang Islam, adalah adil bagi ke dua-dua mereka dihukum mengikut Undang-undang Islam. Adalah tidak adil si Islam saja dihukum sedangkan pasangan bukan Islam yang melakukan perbuatan yang sama terlepas begitu sahaja. Demi keadilan ke dua-dua mereka hendaklah dihukum dengan cara yang sama bagi mengujudkan keadilan.

Bagi golongan pertama ini, setiap individu perluah menghormati ugama golongan yang lain. Jika mereka sama-sama terbabit melakukan perbuatan yang bertentangan dengan Islam mereka layak dihukum kerana melanggar peraturan-peraturan yang ditentukan.

Golongan pertama ini juga berpendapat adalah tidak salah Undang-undang Islam dilaksanakan di Negara ini kerana perlembagaan sendiri telah memperuntukkan bahawa ugama Islam adalah merupakan ugama Persekutuan di Negara ini. Namun begitu ugama lain juga boleh diamalkan secara bebas. Di sini mereka memperkatakan soal demokrasi yang menjadi pegangan politik masyarakat Negara ini.

Dengan kata lain kebebasan keugamaan adalah merupakan hak mutlak setiap individu. Jadi perlaksanaan Undang-undang Islam hendaklah membabitkan mereka yang menganut ugama Islam dan juga bagi bukan Islam jika mereka sama-sama terbabit.

Golongan pertama ini juga mengsyorkan sekali dari perlaksanaan Undang-undang Islam, perkara-perkara lain juga perlu ditekankan sebagai satu usaha yang bersungguh-sungguh bagi membanteras jenayah ugama. Kata mereka dengan perlaksanaan Undang-undang Islam sahaja tidak mencukupi untuk menghalang perlakuan jenayah ugama. Jika sesuatu perbuatan itu tidak boleh dilakukan secara terang-terangan, mereka akan mencari jalan dengan melakukan secara sulit atau sembunyi-sembunyi. Maksudnya, kemungkaran tetap juga berlaku. Apa yang penting dan perlu ditekankan ialah usaha-usaha kesedaran kepada masyarakat khususnya orang-orang Islam bahawa berzina, berkhawat, minum arak dan lain-lain lagi adalah haram di sisi ugama. Usaha kesedaran ini perlulah ditekankan dari peringkat asas lagi. Misalnya ibubapa atau keluarga perlulah memberi pelajaran ugama Islam yang mendalam dan sempurna kepada anak-anak. Dengan pengetahuan ugama serta keimanan yang kukuh akan membolehkan seseorang itu menjauhkan diri dari perbuatan mungkar. Kata

mereka, apakah sebabnya begitu ramai orang Islam terlibat dalam jenayah ugama?. Sebabnya kerana tidak mendapat didikan agama yang kukuh dan sempurna.

Disamping itu penguatkuasaan Undang-undang perlulah ditekankan. Misalnya dalam menegah orang minum arak, Kerajaan perlulah bertindak tegas dengan mengharamkan penjualan arak. Menurut golongan ini, apa yang jelas, penjualan arak adalah begitu berleluasa samada di kedai runcit hingga di restoran dan hotel-hotel. Dan ini adalah sesuatu yang memalukan bagi sesebuah Negara yang mengaku Islam sebagai ugama resminya.

Kesimpulan dari huraiān di atas jelas bahawa golongan pertama ini bersetuju Undang-undang Islam dilaksanakan tetapi hanya pada orang-orang Islam sahaja. Mereka yang bukan Islam tertakluk kepada anutan ugama mereka.

Namun begitu orang bukan Islam boleh dihukum secara Islam sekiranya mereka bersama-sama orang-orang Islam melakukan jenayah agama, kerana bagi mereka setiap individu perlulah menghormati agama lain. Namun begitu, disamping perlaksanaan Undang-undang Islam, aspek pengetahuan agama dan penguatkuasaan Undang-undang perlu di-perluaskan bagi membanteras jenayah agama.

ii. Golongan Yang Sama Sekali Menolak Perlaksanaan Undang-undang Islam.

Golongan ke dua ini meliputi empat orang responden atau 40% dari masyarakat Cina dan 2 orang atau 20% dari masyarakat India. Mereka ini mempunyai pengetahuan agama Islam yang agak tipis, dan boleh dikatakan mereka begitu fanatik dengan ugama yang mereka anuti. Suasana yang menghairankan bila ditanya apakah yang mereka tahu dengan Undang-undang Islam, akan segeralah terbayang di fikiran mereka bahawa Undang-undang Islam adalah tidak lebih sebagai satu hukuman yang keras di mana pesalah-pesalah agama akan dipotong tangan, direjam, disebat dan lain-lain lagi. Mereka tidak tahu bahawa Undang-undang Islam itu adalah meliputi segala aspek kehidupan manusia samada dalam aspek ekonomi, politik dan juga sosial. Dengan pengetahuan yang cetek ini, mereka menyatakan bahawa Undang-undang Islam adalah kejam dan bersifat 'barbarian' atau tidak bertamaddun. Menurut mereka bahawa Undang-undang Islam ini hanya sesuai diamalkan di zaman Nabi Muhammad sahaja kerana ianya sesuai dengan keadaan masa itu. Undang-undang Islam tidak sesuai untuk dipraktik di zaman ini.

Manusia hari ini telah mengalami proses realiti dan masyarakat lebih bersikap terbuka.

Golongan ke dua ini juga menolak perlaksanaan Undang-undang Islam kerana Undang-undang yang ada hari ini adalah mencukupi dan dapat memenuhi citarasa penduduk Negara ini. Buktinya sejak diperkenalkan hingga sekarang, tidak ada penentangan secara terbuka sama ada dari orang Islam maupun bukan Islam.

Perlaksanaan Undang-undang Islam dengan hukuman hudud seperti di hukum sebat, potong tangan dan lain-lain tidak semestinya berupaya mengatasi jenayah ugama. Walaupun hukuman ini tegas, tetapi disebabkan oleh sikap manusia itu sendiri yang suka melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan, menyebabkan jenayah-jenayah terus-terusan berlaku. Hujah golongan ini berdasarkan perbandingan, atas usaha yang dilakukan oleh Kerajaan membasmi kegiatan penyebaran najis dadah. Walaupun hukuman yang dijatuhan hingga mencapai tahap di gantung hingga mati atau di penjara seumur hidup, namun disebabkan oleh sifat manusia yang suka melanggar norma yang ditentukan oleh masyarakat menyebabkan jenayah pengedaran dadah. Pendeknya walaupun hukuman yang dijatuhan begitu berat, tetapi jenayah tetap juga dilakukan. Melihat dari sini golongan kedua ini berpendapat, Undang-undang Islam tidak perlu dilaksanakan.

Mereka juga menolak perlaksanaan Undang-

undang Islam kerana, keadaan masyarakat di Negara ini yang begitu kompleks. Tambahan pula komposisi antara masyarakat Islam dan bukan Islam tidak jauh berbeza. Jadi amatlah sukar bagi orang-orang berugama Kristian, Buddhis dan Hindu untuk menerima Undang-undang Islam yang begitu asing bagi diri mereka. Amalan antara masyarakat berugama Islam dan bukan Islam adalah jauh berbeza. Misalnya dalam Islam perbuatan meminum arak adalah haram. sama ada banyak atau sedikit. Tetapi bagi orang bukan Islam, meminum arak dibenarkan lebih-lebih lagi untuk kesihatan badan. Jadi dengan dua nilai yang berbeza ini, menjadikan perlaksanaan Undang-undang Islam sukar di praktikkan di Negara ini.

Selain itu golongan ke dua ini juga berpendapat Undang-undang Islam boleh menyekat kebebasan, nilai dan naluri manusia. Mereka beranggapan bahawa manusia mempunyai kehendak yang tidak terbatas dan bersifat peribadi. Misalnya dalam perhubungan seks antara lelaki dan wanita, adalah merupakan hak peribadi seseorang dan ianya tidak boleh disabitkan sebagai satu kesalahan jika ke dua-dua pasangan itu saling redha meredhai.

Dari penguraian di atas ini jelaslah golongan ke dua ini secara terang-terangan menolak perlaksanaan Undang-undang Islam di Negara ini. Ini disebabkan sikap fanatic mereka ter-

hadap ugama yang mereka anuti. Mereka menganggap Undang-undang Islam sebagai 'barbarian', tidak bertamaddun, keras dan membatasi hak semulajadi manusia. Untuk menolak Undang-undang Islam dari dilaksanakan, faktor kemajmukan masyarakat yang terdiri dari berbagai anutan ugama sering ditekankan.

Bab 5 (Masalah dan Cadangan)Masalah-masalah Yang Menghalang Perlaksanaan Undang-undang Islamdan Cara Penyelesaiannya.

Dari penghuraian mengenai pandangan masyarakat Melaka terhadap Undang-undang Islam, terdapat berbagai-bagai tanggapan yang dibuat oleh masyarakat bukan Islam mahupun masyarakat Islam sendiri. Di kalangan masyarakat Islam, terdapat dua golongan pendapat yang jelas. Golongan pertama merupakan golongan yang benar-benar inginkan Undang-undang Islam dilaksanakan manakala golongan yang ke dua lebih bersifat teragak-agak untuk menerima Undang-undang Islam.

Manakala bagi masyarakat bukan Islam pula, terdapat dua golongan pendapat yang berbeza. Pertama, golongan yang bersetuju Undang-undang Islam dilaksanakan tetapi terhad kepada orang-orang Islam sahaja. Manakala golongan ke dua pula ialah golongan yang sama sekali menolak Undang-undang Islam dari dilaksanakan.

Justeru dari timbulnya pendapat yang berbeza ini, maka pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan Undang-undang Islam khususnya di Melaka dan di Malaysia umumnya, akan menghadapi berbagai masalah. Masalah ini berlaku disebabkan oleh berbagai faktor. Antaranya:

5.1(a) Perlembagaan dan Undang-undang

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan kedudukan agama Islam adalah tidak tegas dan jelas. Peruntukan dalam Perkara 3(I) yang mengatakan Islam ialah agama Persekutuan, telah disekat dan dibatasi oleh peruntukan lain dalam perlembagaan yang sama dan juga melalui akta-akta lain. Peruntukan

itu tidak boleh mengatasi peruntukan yang lain.

Dalam hubungan ini Dato' Hashim Yeop Sani telah mengatakan tentang ketidakpuasan hatinya terhadap sekatan dan batasan ini. Antara lain beliau berkata "pada pendapat saya, Jadual Kesambilan Senarai Dua Perenggan adalah bercanggah dengan perkara 3 perlumbagaan tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah yang tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh Undang-undang Persekutuan. Ini adalah suatu salah faham yang menunjukkan satu keadaan yang tidak sihat dari segi Islam kerana tidak seorang pun yang mempunyai akal boleh menerima bahawa Perlimen yang mempunyai ahli yang bukan semuanya orang Islam dan mukim boleh diberi kuasa meminda perlaksanaan hukum syarak".

Oleh itu untuk mengatasi masalah ini pehak Kerajaan perlulah mengkaji semula peruntukan mengenai ugama Islam supaya perlaksanaan Undang-undang Islam boleh dilakukan. Selagi peruntukan dalam Perlembagaan tidak digubal semula adalah amat sukar bagi usaha perlaksanaan Undang-undang Islam walaupun dengan apa cara sekalipun seperti kata Prof. Nik Abdul Rashid Abdul Majid dalam kertas kerjanya "Ke arah Pengislaman Undang-undang dan Peraturan di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya", "Sebelum kita dapat mengislamkan Undang-undang Negara dan Undang-undang Negeri, kita perlulah meminda Perlembagaan Malaysia dahulu".

(I) Menurut beliau walaupun Islam merupakan agama Persekutuan namun ia bukanlah agama Resmi Persekutuan. Perkara 3 (I) dalam perlembagaan berbunyi:

"Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya".

Di sini jelas khalimat 'resmi' tidak pernah termaktub dalam Perlembagaan atau mana-mana Undang-undang Persekutuan. Menurut beliau lagi tidak ada gunanya kita bercakap, berbahas, berhujah untuk mengislamkan Undang-undang sedangkan Undang-undang asas dalam Perlembagaan itu tidak ujud. Kita harus mencontohi Arab Saudi atau Pakistan yang membuat peruntukan yang tegas dalam Perlembagaan masing-masing bahawa Islam ialah agama Negara dan agama Resmi. Jadi bila ada peruntukan seperti ini yang mengakui Islam adalah ugama Resmi baharulah kita dapat bercakap mengenai pindaan Undang-undang lain.

5.1(b) Sikap Umat Islam.

Sikap umat Islam sama ada dari kalangan pemimpin dan juga golongan massa dalam usaha menjadikan Undang-undang Islam sebagai Undang-undang Negara adalah begitu mendukacitakan. Kebanyakkan mereka masih kabur dan ragu-ragu malah ada kalangan mereka tidak mahu terlibat langsung dalam persoalan ini. Kalangan masyarakat Islam sendiri meletakkan berbagai-bagai alasan bagi mengelakkan Undang-undang Islam dari dilaksanakan di Negara ini. Mereka se-

olah-olah gentar dengan keadaan persekitaran yang ada di Negara ini. Mereka merasakan kedudukan mereka, keamanan Negara akan terancam jika Undang-undang Islam dilaksanakan. Ini adalah masalah dalam diri masyarakat Islam sendiri. Mereka lebih takut hukum manusia dari pada hukum Allah. Keadaan ini jika berterusan akan merugikan umat Islam, dan harapan untuk melihat Undang-undang Islam dilaksanakan di Negara ini tidak mungkin tercapai. Oleh itu sewajarnya umat Islam sama ada para Pemimpin atau rakyat massa bertindak berani, serta tegas dengan pendirian bahawa Undang-undang Islamlah yang paling adil dan sesuai walaupun masyarakat Malaysia yang ada hari ini begitu komplek. Keinginan dan kemauan bersungguh-sungguh dari umat Islam keseluruhannya secara tidak langsung menarik umat bukan Islam sama-sama memikirkan usaha-usaha perlaksanaan Undang-undang Islam.

5.1(c) Sikap Pemerintah

Sehingga hari ini jelas bahawa Kerajaan belum lagi mengambil keputusan yang tegas dan jelas untuk melaksanakan Undang-undang Islam sebagai Undang-undang dasar di Negara ini. Sikap seperti ini banyak memberi kesan kepada Perlaksanaan Undang-undang Islam. Kerajaan selalu bertindak mengalah dengan tuntutan sebilangan kecil pihak yang menentang perlaksanaan Undang-undang Islam. Oleh itu Kerajaan perlulah mengambil sikap yang berani dan tegas. Namun begitu memang tidak dinafikan bahawa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menerapkan nilai-nilai

Islam dalam pentadbiran Negara, dengan usaha-usaha seperti penerapan nilai-nilai Islam, penubuhan Bank Islam, Insuran Islam dan lain-lain lagi. Usaha-usaha ini hendaklah dijadikan asas dan langkah pertama kearah perlaksanaan Undang-undang Islam. Selain itu Kerajaan perlulah berani dan tegas dalam membuat sesuatu polisi baru khususnya perkara-perkara yang bersabit dengan Islam.

5.1(d) Sikap Parti-parti Politik

Di dalam Negara kita terdapat berbagai-bagai parti yang samada dianggotai oleh orang-orang Melayu sahaja, parti yang terdiri dari bukan Melayu dari parti-parti yang meliputi semua golongan kaum. Dengan pendokong-pendokong yang berbeza-beza ini menyebabkan arah dan perjuangan politik yang berbeza-beza. Parti yang terdiri dari berbagai-bagai golongan kaum sudah tentulah tidak mempunyai daya usaha yang kuat dalam menjadikan Undang-undang Islam sebagai Undang-undang dasar Negara ini. Hanya parti yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangannya sahaja yang benar-benar tegas dan jelas pendiriannya dalam memperjuangkan perlaksanaan Undang-undang Islam. Disebabkan ketidak-seragaman dalam perjuangan, menjadikan usaha perlaksanaan Undang-undang Islam terbantut dan ditambah lagi jika ada segolongan orang Islam sendiri yang menolak Undang-undang Islam. Di sini jika tidak ada perubahan sikap antara parti-parti yang ada, sudah pasti perlaksanaan Undang-undang Islam sukar diujudkan di Negara ini.

5.1(e) Sikap Ahli Undang-undang

Kebanyakkan ahli Undang-undang yang beragama Islam dan seluruh mereka yang tidak beragama Islam, mengambil sikap tidak terlibat dalam usaha perlaksanaan Undang-undang Islam. Mereka lebih bersifat mendiamkan diri daripada menjalankan usaha atau kajian yang boleh membantu perlaksanaan Undang-undang Islam. Adalah begitu menguntungkan jika kalangan ahli Undang-undang sama ada beragama Islam dan bukan Islam membuat pengkajian ataupun perbandingan akan keberkesanan Undang-undang Islam. Jika ahli Undang-undang sendiri membuat pengakuan bahawa Undang-undang Islam adalah yang terbaik setidak-tidaknya boleh membuka mata samada pemimpin ataupun rakyat untuk melaksanakan Undang-undang Islam.

5.1(f) Sikap Ulamak

Ulamak-ulamak, sebagai orang yang berjiwa Islam adalah merupakan golongan yang paling kuat dalam memperjuangkan perlaksanaan Undang-undang Islam. Malangnya tuntutan dan gerakan mereka tidak teratur dan tersusun serta tiadanya kerjasama sesama mereka. Keadaan ini timbul kerana sering kali berlaku berbezaan pendapat sesama mereka. Misalnya sehingga ke hari ini para ulamak dan ahli fikir Islam masih lagi bertikam lidah dalam memberi takrif tentang Undang-undang Syariah. (2) Akibatnya berlakulah pergeseran, tuduh menuduh yang berlarutan dan terkeluar dari tujuan asal iaitu usaha melaksanakan Undang-undang Islam. Keadaan ini seterusnya melemah dan melumpuhkan tuntutan mereka. Satu

lagi masalah ulamak Islam hari ini terlalu banyak membincangkan perkara-perkara lama, yang kurang membina dan tidak memandang arah dan masa depan umat Islam. Mereka lebih berminat mempersoalkan siapakah yang lebih layak menjadi Khalifah pertama dalam Islam antara Saidina Abu Bakar dan Saidina Ali. (3)... padahal peristiwa tersebut telah lama berlalu. Jika ulamak asyik membincangkan perkara yang bersifat pertentangan ini, apakah sumbangan mereka kearah pembangunan umat Islam. Ini akan menambahkan lagi kelemahan dan kemunduran umat Islam. Oleh itu untuk masa depan masyarakat Islam lebih-lebih lagi kearah perlaksanaan Undang-undang Islam, para ulamak perlulah mengubah sikap mereka. Mereka mesti menumpukan tumpuan sepenuhnya bagaimana Undang-undang Islam dapat dilaksanakan, mencari kesempatan sesama sendiri dan mengurangkan perkara yang bersifat pertentangan.

5.1(g) Masyarakat Majumuk

Sehingga hari ini ramai orang bukan Islam dan Islam menolak perlaksanaan Undang-undang Islam sebagai Undang-undang dasar Negara ini kerana sifat kemajmukan masyarakatnya. Masyarakat Malaysia adalah terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan anutan agama. Mereka beranggapan adalah tidak wajar Undang-undang Islam dilaksanakan kerana tidak menepati citarasa semua penduduk negara ini. Mereka berpendapat Undang-undang yang berdasarkan Undang-undang Barat yang di-

banyak bergantung kepada sikap masyarakat Islam sendiri. Sikap umat Islam pula bergantung kepada sikap para ulamak dan pemimpin mereka. Oleh yang demikian sikap Kerajaan, Ulama, Pemimpin dan umat Islam sendiri memainkan peranan penting dalam usaha untuk mengubah sikap dan padangan masyarakat bukan Islam terhadap usaha perlaksanaan Undang-undang Islam.

5.1(h) Kurangnya Pengetahuan Tentang Undang-undang Islam Dikalangan Masyarakat Bukan Islam.

Pada orang-orang Islam boleh dikatakan mempunyai pengetahuan yang agak tinggi terhadap Undang-undang Islam, memahami tentang keunggulan, keadilan dan keistimewaan yang terdapat dalam Undang-undang Islam. Disebabkan ini kebanyakkan umat Islam agak tidak keberatan menerima Undang-undang Islam sebagai Undang-undang dasar Negara ini. Tetapi di kalangan masyarakat bukan Islam mempunyai pengetahuan yang cetek dan kadangkala bersikap jahil tentang Undang-undang Islam. Kebanyakkannya mereka menganggap Undang-undang Islam bersifat kejam dan tidak berperikemanusiaan. (2) Anggapan ini jika dibiarkan berterusan akan merumitkan usaha perlaksanaan Undang-undang Islam. Untuk mengatasi masalah ini dengan menyakinkan masyarakat bukan Islam bahawa Undang-undang Islam yang bersifat adil, pehak-pehak bertanggung-jawab seperti Kerajaan, para ulamak, badan-badan ugama dan individu-individu Islam perlulah memainkan peranan memberi gambaran dan keterangan yang sebenarnya tentang Undang-undang Islam.

5.1(i) Penyerahan Kuasa Yang Lebih kepada Pusat.

Pentadbiran ugama di Negara ini adalah begitu berbeza dengan pentadbiran politik. Pentadbiran politik begitu teratur di mana Kerajaan pusat mempunyai kuasa sepenuhnya dalam menentukan dasar. Tetapi dalam pentadbiran ugama Islam, bidang kuasa Kerajaan pusat terhad. Kerajaan Pusat hanya mempunyai kuasa yang lebih di Negeri yang tidak mempunyai Sultan seperti Melaka, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan. Tetapi di Negeri-negeri yang mempunyai Sultan, hal-hal yang berkaitan dengan keagamaan di bawah kuasa penuh Sultan. Sultan berhak membuat sesuatu mengikut kesukaran baginda tanpa campurtangan dari Kerajaan pusat.

Kuasa Kerajaan pusat pula hanya terhad kepada mengisyihar hari-hari perayaan seperti Hari Raya Puasa, Hari-Raya Haji dan perayaan-perayaan lain yang melibatkan keseluruhan umat Islam. Disini kita lihat kuasa Kerajaan pusat adalah kecil, terbatas pada hal-hal perayaan sahaja. Penyelarasian kuasa tidak ada. Pentadbiran bersabit ke-agamaan Negeri-negeri bergantung kepada budi bicara Sultan masing-masing.

Jika keadaan ini tidak diatasi maka adalah sukar usaha-usaha perlaksanaan Undang-undang Islam. Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa yang banyak. Sesuatu peruntukan baru perlulah terlebih dahulu mendapat persetujuan dari Sultan Negeri-negeri. Oleh itu memudahkan pentadbiran berkaitan dengan agama Islam bagi seluruh Negara, Sultan-

sultan Negeri perlulah menyerahkan sebahagian kuasanya kepada Kerajaan Pusat.

NOTA KAKI

1. Satu kertas kerja yang dibentangkan oleh Prof. Nik Abdul Rashid berjudul, "Kearah Pengislaman Undang-undang dan Peraturannya di Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya", di Institut Teknologi Mara, 1987.
2. Kassim Ahmad, op-cit, hlm. 10.
3. Ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Hj. Hadi Awang sempena malam Is'raj dan Mik'raj di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, anjuran Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya.

Bab 6Kesimpulan

Dari data-data yang diperolehi, pengkaji mendapati Usaha-usaha Perlaksanaan Undang-undang Islam di Negara ini mempunyai potensi yang besar. Kepada orang-orang Islam tidak mempunyai masalah yang besar. Dari seramai 35 orang yang ditemubual seramai 15 orang atau 43% secara tegas mengatakan Undang-undang Islam mesti dilaksanakan di Negara ini. Bakinya seramai 20 orang atau 57% mudah diatasi kerana pendirian mereka banyak bergantung kepada dasar-dasar yang dijalankan oleh Kerajaan. Dengan lain perkataan, jika Kerajaan melaksanakan Undang-undang Islam, golongan ini secara tidak langsung akan menerimanya.

Bagi yang beragama bukan Islam, Kerajaan juga tidak mempunyai masalah yang besar. Dari seramai 15 orang 33.3% atau 5 orang sahaja yang bersetuju Undang-undang Islam dilaksanakan di Negara ini tetapi hanya pada orang-orang Islam sahaja. Namun begitu mereka bersetuju Undang-undang Islam dikenakan kepada yang bukan Islam, sekiranya mereka sama-sama bersubahat dengan orang Islam melakukan jenayah agama. Jika dilihat dari pandangan ini, Kerajaan boleh mengambil jalan tengah melaksanakan Undang-undang Islam terutama yang berkaitan dengan jenayah agama hanya kepada orang Islam sahaja. Orang-orang bukan Islam boleh dihukum berdasarkan Undang-undang Islam jika sekiranya mereka sama-sama terlibat atau bersubahat bersama-sama orang Islam melakukan jenayah agama. Jika kaedah ini digunakan setidak-tidaknya Kerajaan berupaya menyekat orang yang beragama Islam dari melakukan jenayah agama.

Bakinya seramai 15 orang atau 66.6% tidak bersetuju Undang-undang Islam dilaksanakan di Negara ini. Namun begitu golongan ini juga boleh diatasi jika pehak Kerajaan, umat Islam dan para ulamak bijak memainkan peranannya. Sebenarnya golongan menolak perlaksanaan hukum Islam kerana penagsiran mereka yang salah tentang Undang-undang Islam. Kebanyakkan mereka memahami apabila disebut Undang-undang Islam mereka hanya mengambil ingatan dari segala hukum jenayah dan deraan yang dikenakan semata-mata seperti mencuri di-kerat tangan, berzina direjam atau disebat.

Pendapat golongan ini boleh diatasi jika pehak-pehak bertanggungjawab seperti Kerajaan, ulamak-ulamak dan umat Islam keseluruhannya dapat memberikan gambaran, keterangan tentang pengertian hukum Islam yang sebenarnya terutama yang bersabit jenayah agama. Jika mereka berjaya diyakini adalah tidak mustahil satu hari nanti, Negara ini berupaya melaksanakan Undang-undang Islam sepenuhnya.

Keseluruhannya Undang-undang Islam mempunyai potensi untuk dilaksanakan jika Kerajaan tegas dengan dasar-dasarnya pada orang-orang Islam dan juga jika golongan bukan Islam dapat diyakini tentang kebenaran Undang-undang Islam.

Bibliografi

1. P.E. De Josselin De Jong,
Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu,
Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1965.
2. Syed Muhammad Naquib Al-Attas,
Islam dan dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu,
Kuala Lumpur, 1972.
3. Syed Muhammad Naquib Al-Attas,
The Correct Date of Trengganu Inscription,
Muzium Negara, Kuala Lumpur, 1970.
4. W.G. Shellabear,
Sejarah Melayu, Oxford University 'Press,
Kuala Lumpur, 1967.
5. Azizan A. Razak,
The Law in Malacca Before and After Islam,
Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.
6. R.O. Winstedt,
The Malays A. Cultural History,
London, 1965.
7. Ahmad bin Ibrahim, Prof. Dato',
Islamic Law in Malaya, Kuala Lumpur, 1975.
8. Mahfoz Mohammed,
Jenayah dalam Islam, Kuala Lumpur.
9. Turney, J.W. Cecil, Kenny,
Outlines of Criminal Law, London, 1966.

Bibliografi

10. Niqam, R.C.,
Law of Crimes in India, Vol.I., Asia
 Publishing House, Bombay, 1969.
11. Hart, H.L.W.,
Law Liability and Morality, Oxford University
 Press, 1962.
12. Turner, J.W. Cecil,
Russel on Crime, London, 1958.
13. Soerjono Soekanto,
Sosiologi Suatu Pengantar, Jakarta, 1967
14. John Finley Scott,
Internalization of Norms, London, 1975.
15. Newman Graemeo,
The Punishment Response, New York, 1977.
16. Ancel, M.,
Social Defence: A Modern Approach to
 Criminal Problems, New York, 1965.
17. Phillipson, C.,
The Criminal Law Reforms, Montelair, 1970.
18. Liaw Yock Fang,
Undang-undang Melaka, The Hague, 1976.
19. R.O. Winstedt dan J.De. Jong, (eds),
The Maritime Laws of Malacca, JMBRAS,
 XXIX, iii, 1965.

Akhbar dan Artikel

1. Prof. Nik Abdul Rashid,

'Kearah Pengislaman Undang-undang dan Peraturannya Di Malaysia': Masalah dan Penyelesaiannya ", di Institut Teknologi Mara, 1987.

2. Kassim Ahmad,

Islamisasi Undang-undang Di Malaysia
Masalah dan Cabaran, Berita Harian, Selasa 17hb. Februari, 1987.

3. Mastika, (Januari), Utusan Melayu Berhad.,

bil. 10, 1968.